


KELUARAN
ANGKATAN NAHDHATUL
ISLAM BERSATU (BINA)



TAHUN 2,
NOMBOR 19,
1 REJAB
1407/
MARCH,
1987

AL-HUDA

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM



• **PENYALAHGUNAAN
DADAH**

• **INDIVIDU DAN
MASYARAKAT**



قُلْ إِنَّ هُدَىَ اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ
• (البقرة: ١٢٠)

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)

TERHAD
UNTUK PARA AHLI SAHAJA

Ibu Pejabat,
Jalan Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Telifon: 082-443993,
082-443994 ext. 11 atau 31

AL-HUDA

TAHUN 2, NOMBOR 19, REJAB 1407/MARCH 1987

Penasihat USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET • Pengarah TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM • Ketua Unit Penerbitan/Rekabentuk/Pengurus Iklan BUJANG JENAL • Ketua Pengarang USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD • Penolong Ketua Pengarang USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU BAKAR • Sidang Pengarang USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR, USTAZ SYED MUHAMAD ALW AL-ATTAS, DR. WAN ALI TUANKU MADHI, USTAZAH ROHANI BINTI AWI, USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN.

KANDUNGAN

Harakah Islamiah	
Pendidikan Keimanan	3
Beberapa tantangan terhadap ummat Islam dimasa kini	8
Adab Mengerjakan Hajji	11
Tiada beriman seorang yang tidak amanah	15
Individu dan Masyarakat	19
Penyalahgunaan dodah	24
Laporan Lembaga Amanah Kebajikan DARULFALAH	29
Keutuhan Kesihatan	32
Abu Bakar Siddik, Khalifah Pertama	37
Pengorbanan	42
Khidmat Kelas Bimbangan BINA	46
Berita Dunia Islam	49
Ruang Kewanitaan	51
Mutiara Hikmat	55

PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Muslimin dan Muslimat sekalian;

Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalau-alukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membantu penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:
Pengarah,
Penerbitan Al-Huda,
ibu Pejabat BINA,
Jalan Tun Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.
Pengarah

PENDIDIKAN KEIMANAN

OLEH HASAB

Aspek keimanan merupakan segi terpenting dalam Pendidikan Islam. Aspek keimanan ini sangat besar ertiinya dan sangat dalam pengaruhnya, terutama, mengingat tujuan daripada Pendidikan Islam itu sendiri adalah: terciptanya manusia-manusia mukmin.

Dalam Islam, IMAN itu bukanlah hanya setakat ucapan atau pengakuan. Ulama Besar Tabi'in, Imam Hasan Al-Bishri, berdasarkan penelitian beliau daripada sumber Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Saw, telah merumuskan erti IMAN itu sebagai berikut:

لِيَسْ الْإِيمَانُ بِالْحَلْيِ
وَلَا بِالشَّنْتِي وَلَكِنَّهُ مَا وَقَرَ
فِي الْقَلْبِ وَمَذْقَهُ الْعَمَلُ،
مَنْ قَالَ حَسْنًا وَعَمِلَ
غَيْرَ صَالِحٍ رَدَّهُ اللَّهُ
عَلَىْ قَوْلِهِ، وَمَنْ قَالَ

حَسْنًا وَعَمِلَ صَالِحًا
رَفَعَهُ لَنْعَلَّ.

"Iman itu bukanlah perhiasan yang dihiaskan, bukan pula berupa anangan-anangan yang dicita-citakan, akan tetapi adalah satu tekad yang kokoh didalam lubuk hati, lalu dibenarkan dan diikuti oleh amal perbuatan yang nyata. Siapa yang mengucapkan ikrar yang baik, sedang ia berbuat tidak baik, Allah akan menolak kata-kata ikrarnya. Siapa yang berikrar baik, dan dia berbuat amal yang baik, maka amalannya itu akan mengangkatkan darjatnya."

IMAN itu adalah merupakan KEBENARAN, yang:

- jika masuk kedalam akal, akan memberikan kepuasan aqli,
- jika masuk kedalam perasaan, akan memperkuatkan perasaan itu, dan
- jika masuk kedalam iradah atau keinginan (will), maka ia akan membuatnya dinamik dan mampu menggerakkan.

Dalam Al-Quran ada ayat yang mengisyaratkan hal ini, iaitu ayat 15

daripada Surah ke 49 (Al-Hujuraat):

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا
بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا
وَجَاهُدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ، أَوْ لِئَكَ هُمْ
الصَّادِقُونَ

(الحجرات : ١٥)

yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-NYA. Kemudian mereka tidak ragu-ragu, dan mereka berjihad (berjuang) dengan harta dan jiwa mereka di jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar."

Maka itu: IMAN bukanlah sekedar pengetahuan fikiran, seperti pengetahuan kaum filosof dan teolog.,

- bukan pula semata-mata penginderaan rohani, seperti penginderaan kaum Sufi (tasawuf), dan
- bukan pula hanya peraktik-peraktik peribadatan (ritual), sebagaimana yang dilakukan oleh ahli-ahli ibadat dan semedi

Akan tetapi, IMAN merupakan kesatuan yang utuh daripada tiga hal tersebut, yang menumbuhkan

sikap positif untuk memakmurkan dunia ini secara benar, mengisi hidup dengan kebiasaan-kebiasaan yang benar dan menuntun kehidupan itu kejalan yang benar pula. (yaitu menurut ajaran dan tuntunan daripada IMAN itu sendiri).

Pendidikan Islam mestilah berusaha dan berupaya menyatukan semula unsur-unsur yang justeru telah dipisah-pisahkan oleh para teolog, sufi dan ahli-ahli hukum ('f qua'h'). Gerakan pendidikan Islam mestilah berusaha memperbaharui makna IMAN yang sudah lapuk selama ini, dengan cara kembali kepada sumber keimanan yang jernih, iaitu Al-Quranul Karim dan Sunnah Rasulullah Saw. IMAN seperti imannya para sahabat Nabi dan Tabi'in yang meliputi keyakinan hati dan pengakuan lisan, yang diterapkan dan dibuktikan dalam sikap dan laku perbuatan sehari-hari. IMAN yang seperti inilah yang semestinya mewarnai keseluruhan kehidupan dirumah tangga, dimasjid atau disurau, di tempat-tempat bekerja sehari-hari, dipasar atau dalam pergaularan masyarakat lingkungan, bahkan dimana-mana sahaja dan disetiap masa. IMAN yang seperti ini yang mesti dimiliki oleh setiap Muslim dan Muslimah, ya'ni iman yang ditandai oleh dinamika, kuat dan aktif serta berkesan.

KALBU (HATI)

Benih pendidikan Keimana itu

ditanam di dalam kalbu (hati), hingga hati itu menjadi hidup dan menyakini akan:

- pertemuannya dengan Allah Swt kelak di hari Akhirat,
- hisab-NYA dihari perhimpunan (yaumil-mahsyar),
- rahmat-rahmat dari Allah yang senantiasa diharapkannya hingga ia merasa optimistik dalam menghadapi sebarang tugasnya,
- azab siksa daripada Allah disebabkan sebarang penyelewengan dari KEBENARAAN, hingga ia senantiasa berwaspada dan berusaha menghindari perbuatan-perbuatan yang menyeleweng.

Kita titik beratkan kepada masalah HATI, sebab manusia itu pada hakikatnya tidak terletak pada wujud jasmaninya, melainkan adalah pada kesedaran jiwa (batiniah) yang justeru menggerakkan anggota tubuh jasmaninya itu. Sebab itu, maka tepat sekaliilah sabda Rasulullah Saw yang berbunyi:

الآن فو الجسد مضفة
إذا صحت صلح سائر
الجسد وإذا فسدت
فسد سائر الجسد
الا وهي القلب
(بخاري و مسلم)

"Ketahuilah olehmu, bahwa dalam tubuh manusia itu ada seketul daging. Bila ia baik, baiklah pula seluruh tubuh badan dan apabila ia rusak, rusaklah seluruh tubuh itu. Ketahuilah, bahwa daging yang dimaksud ialah "hati" (Riwayat Bukhari dan Muslim).

إِنَّ اللَّهَ لَا يُنْظَرُ إِلَى صُورَكُمْ
وَمَا وَالْكُمْ وَلَكُنَ اللَّهُ
يُنْظَرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ
وَاعْمَالُكُمْ (مسلم و احمد)

"Bahwasanya Allah tidak melihat kepada rupamu dan har tamu, tetapi Allah hanya melihat kepada hatimu dan amalanmu." (Riwayat Muslim dan Ahmad).

Memang Allah tidak melihat rupamu, melainkan kalbumu. Kalbulah yang merupakan andalan satu-satunya tatkala insan menghadap Khaliqnya, ya'ni pada:

يَوْمَ لَا يُنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنْوَنٌ إِلَّا
مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقُلُوبٍ سَلِيمٍ .
(الشعراء : ٨٨ - ٨٩)

"Hari, dimana harta dan anak cucu tiada berguna lagi, kecuali kalbu yang selamat sejahtera" (Asy-Syu'a' : 88-89).

(المائدة: ١٣)

Tanpa kalbu yang hidup dan penuh yakin, manusia ini pada hakikatnya adalah mati.

اَوْمَنْ كَانَ مِنْ تَاهِيْنَا وَجَعَلْنَا
لَهُ نُورًا يَعْمَشُ بِهِ فِي النَّارِ كَمْنَ
مِثْلَهِ فِي الظُّلْمَاتِ لَيْسَ

بِخَارِجٍ مِنْهَا ؟
(الأنعام: ١٢٢)

"Apakah orang yang mati, kemudian Kami hidupkan dan Kami beri kepadanya cahaya yang terang yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan ditengah-tengah masyarakat, serupa dengan orang yang berada dalam gelap yang tidak dapat keluar daripadanya?" (Al-An'aam: 122)

Inilah sebabnya pendidikan Islam didasarkan atas prinsip menghidupkan hati, membangun dan menyuburkannya.

Kekerasan hati dan kebkuuan pandangan, sudah nyata merupakan satu siksa yang tak diinginkan.

Berkenaan dengan hal ini Allah Swt telah memberikan ancaman-NYA terhadap Bani Israil dalam ayat:

فِيمَا نَقْضُهُمْ مِنْ أَعْهَمْ
وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَاسِيَةً

"Tetapi kerana mereka melanggar janjinya, Kami kutuk mereka itu dan Kami jadikan hatinya keras membatu" (Al-Maidah: 13)

Dalam ayat 74 Surah Al-Baqarah pula Allah Swt telah mengungkapkannya sebagai berikut:

ثُمَّ قَسْتَ قُلُوبَهُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ
فِي كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدَّ قَسْوَةً
(البقرة: ٧٤)

"Kemudian setelah itu hati mereka menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi." (Al-Baqarah: 74).

Untuk ummat yang beriman Allah Swt juga memberikan peringatan sebagai berikut:

الْمُيَأْنَ لِلَّذِينَ امْنَوْا إِنْ تَحْشِعْ
قُلُوبَهُمْ لَذِكْرُ اللَّهِ وَمَانِزَلَ مِنْ
الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَذِينَ أَوْتَوْا
الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِ فَطَالَ عَلَيْهِمْ
الْأَمْدَ فَقَسْتَ قُلُوبَهُمْ

(الحديد: ١٦)

"Belumkah datang waktunya bagi orang-orang yang beriman untuk tunduk hatinya mengingat Allah dan kepada kebenaran yang turun (kepada mereka)? Dan janganlah mereka seperti orang-orang yang sebelumnya telah diturunkan kitab kepadanya, kemudian berlalulah masa yang panjang, lalu hati mereka menjadi keras dan degil"
 (Surah Al-Hadid, ayat 16).

Nabi Muhammad Saw sendiri mohon lindungan Allah dari ilmu yang tidak bermanfaat dan dari hati yang tidak khusyu', sebagaimana tersebut dalam do'a beliau:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ
 لَا يَنْفَعُ وَمَنْ قَلْبٌ لَا يَخْشِعُ .

Sebab itu dalam keyakinan keimanan seseorang terhadap Allah Swt ia hendaklah senantiasa:

- mendekatkan diri kepada-NYA dan berserah diri kepada-NYA,
- mencintai-NYA, dengan ta'at

setia melaksanakan segala perintah-NYA, dan menjauhi segala laranganNYA,

- berharap akan segala rahmat dan kasih sayang daripada-NYA;
- merasa takut dari ancaman siksa dan azab daripada-NYA, kerana sesuatu kelakuan dan perbuatan yang tidak diredhai-NYA.

الْأَيَّامُ تُرْكَىٰ وَالْأَرْوَاحُ مُنْجَدِّدَةٌ
 (الرعد : ٢٨).

"Hanya dengan dzikir, mengingat Allah, hati menjadi tenteram" (Surah Ar-Ra'd, ayat 28)

Maka dengan modal ketenteraman hati, segala kesulitan akan dirasakan mudah, segala kepahitan akan dirasakan manis dan menyenangkan, segala bala dan cobaan akan dirasakan bagai tiada!

(bersambung)

"اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ وَمَنْ قَلْبٌ لَا يَخْشِعُ وَمَنْ فَرِّنَّ
 تَشْبِعُ وَمَنْ دَعْوَةٌ لَا يَسْتَجِابُ لَهَا . " (رواه مسلم)

"Ya, Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau dari ilmu yang tidak bermanfaat, dari hati yang tidak khusyuk (tunduk), dari nafsu yang tidak puas dan dari do'a yang tidak diperkenakan." (Riwayat Muslim).

(Rencana ini berasal dari prasaran Allah Yarham
Professor Dr. Hamka dalam sidang Majlis Tanwir
Muhammadiah di Ponorogo (Jawa Timur),
pada 25hb-28hb Disember, 1969)

(Sidang Pengarang Al-Huda)

BEBERAPA TANTANGAN TERHADAP UMAT ISLAM DIMASA KINI

1. PENDAHULUAN

Oleh kerana kita telah menerangkan bahawa kita ini adalah gerakan tajdid, maka hendaklah kita yang memegang pimpinan mengarahkan perhatian kita kepada beberapa tantangan yang dihadapkan kepada Islam dizaman ini. Sebab gerakan tajdid kita itu bukanlah semata-mata khilafiah dalam soal furu'.

Gerakan tajdid kita bukanlah modernisasi yang bermaksud hendak merombak struktur Islam agar Islam itu sesuai dengan zaman modern. Gerakan tajdid kita ialah salafi, menegakkan contoh yang diberi oleh Rasul dan sahabat-sahabat, yang pokoknya terdapat dalam Al-Quran dan Sunnah. Untuk ini penting kita perhatikan berbagai buah fikiran baru yang dikemukakan oleh ahli-ahli fikir Islam zaman modern, seperti Syed

Quthub (Mesir), Almaudoudi (Pakistan), Abdul Hassan Annadawi (India) dan lain-lain. Fikiran yang timbul sekarang dari segala ahli-ahli fikir itu sudah jauh berbeda dari Zaman sebelumnya, misalnya, zaman Mohammad Abduh.

Pada waktu Mohammad Abduh, dunia Islam yang lemah, baru saja berhadapan dengan Barat. Masa itu ada gejala-gejala mencari kecocokan dan persesuaian, agar Barat mengerti bahawa Islam itupun dapat menyesuaikan dirinya dengan zaman modern. Tetapi dalam period sesudah Al-Ikhwanul Muslimin, dengan dipelopori oleh Syed Quthub, orang diajak berfikir untuk tegak diatas pengkalan Islam sendiri. Gerakan Islam yang sekarang dipelopori oleh kaum intelek yang telah menyelami percdaban dan kebudayaan Barat, dan setelah

mengetahui rahsia itu semuanya mereka pulang kembali ke dalam Islam dengan penuh keyakinan.

Pelopor utama sebelum timbulnya Syed Quthub ialah Maulana Mohammad Iqbal.

Kita dapat meninjau dengan saksama perbedaan Keperibadian Iqbal yang "kembali" dari Barat, dengan Mohammad Abdur, seorang Ulama yang memilih nilai-nilai yang positif dari peradaban Barat.

Apabila kita mengadakan tinjauan kepada soal-soal seperti ini, saya rasa, pandangan kita akan lebih meluas dan kita tidak lagi terpaku dalam soal-soal "tetek-bengek" yang amat meminta tenaga di dalam usia kita yang amat terbatas.

2. KEBANGKITAN DUNIA ISLAM DITAKUTI OLEH DUNIA BARAT DAN DUNIA KOMUNIS

Kebangkitan Dunia Islam sesudah Perang Dunia ke-2 ini dirasakan benar-benar oleh Dunia Barat, tegasnya Dunia Kristen. Dan dirasakan pula oleh dunia Komunis. Sebagaimana pernah diungkapkan oleh M. Natsir dalam salah satu pidatonya: "Kalau Dunia Barat ditanya, mana yang lebih berbahaya dalam anggapan mereka, Komunism atau Islam? Spontan orang Barat akan menjawab, "Islam lebih berbahaya". Dan kalau ditanya pula Dunia Komunis, mana yang lebih berbahaya Kapitalis atau Islam? Mereka akan spontan menjawab: "Islamlah yang lebih berbahaya."

Kita dapat memahami latar belakang fikiran yang demikian. Sebabnya ialah kerana Dunia Islam selama ini menjadi objek, dan tanahnya kaya raya. Sedang dia mempunyai ideologi yang

selama ini terpendam. Maksud mereka, hendaklah setelah Dunia Islam ini mendapat dirinya kembali, hendaklah mereka menerima fikiran Barat, ajaran Barat, kehidupan secara barat. Oleh sebab itu, jika penjajahan politik telah berhenti, hendaklah Barat dan Dunia Komunis berusaha memasukkan penjajahan baru yang lebih dahsyat, iaitu penjajahan alam fikiran (mental).

3. AL-GHAZWUL FIKRI (PENJAJAHAN ALAM FIKIRAN) ADALAH TEKNIK BARU PROPAGANDA DUNIA KOMUNIS

Al-Ghazwul Fikri (Penjajahan Alam Fikiran) iaialah suatu teknik propaganda hebat, melalui segala jalan, baik kasar atau halus, baik secara kebudayaan atau secara ilmiyah, agar cara Dunia Islam berfikir berubah dari pangkalan agamanya, dan dengan tidak disedarinya dia berfikir bahawa jalan benar sat-satunya supaya orang Islam maju ialah meninggalkan Fikiran Islam. Untuk ini tak usah menukar agama. Biar tetap jadi orang Islam juga, tetapi tidak lagi menyakini ajaran Islam.

Pelopor utama yang telah mempraktikkan ajaran ini ialah Kamal Ataturk (Turki).

Dia berusaha memutuskan hubungan "bangsa" Turki sebagai bangsa, dengan "bangsa" Arab. Untuk itu perlulah Islam diturkikan (Turkinisasi), sampai azanpun diucapkan dalam bahasa Turki: "Allah Buyuk", maksudnya Allahu Akbar.

Huruf Turki yang mengambil dari Arab, ditukar dengan Huruf Latin; Sebab huruf Arab kolot dan Huruf Latin adalah modern, dan yang jadi intinya sejati ialah pemisahan Negara dari Agama (inilah

secularisme).

Pelajaran Agama Islam dihapuskan dari sekolah-sekolah Pemerintah. Bahasa Turki hendaklah dibersihkan sama sekali dari pengaruh Arab. Tetapi dalam perkara bahasa ini, ia gagal total; sebab kalau Turki hendak membersihkan bahasa Turki dari pengaruh bahasa Arab, dia harus menghapus tidak kurang dari 50% bahasanya sendiri. Akhirnya diambil keputusan bahawa bahasa Arab yang telah jadi bahasa Turki itu hendaklah dipandang satu keputusan, bahawa dia adalah bahasa Turki. Misalnya Jumhuriyah, milli, nufus (bilangan penduduk) dan banyak lagi, lebih banyak dari bahasa Arab yang telah di Indonesiakan.

Sikap Kamal Ataturk ini mendapat pujian setinggi langit dari negeri-negeri Barat, dari Eropah dan Amerika. Mereka gembira sekali dan menyambut dan mengalu-alukan perubahan di Turki itu. Dan di propangandakan diseluruh Dunia Islam, bahawa Turki telah mendapat cahaya kemajuan yang baru.

Dan setelah 10 tahun yang akhir ini pengaruh Islam bangkit kembali di Turki, dan karangan-karangan ahli-ahli fikir seperti Syed Quthub, Annadawi, Alamaudoudi disalin dan disiarkan dalam Bahasa Turki; pada masa itu datanglah sambutan Barat yang mengandung kecemasan, bahawa "Bahasa Islam" tumbuh kembali di Turki. Turki sekarang dalam "Bahaya Hitam", iaitu bahaya mulla-mulla.

Beberapa tahun yang lalu Presiden Habib Burguiba di Tunisia pernah mengatakan bahawa buruh-buruh yang bekerja di tambang-tambang boleh meninggalkan puasanya kalau terlalu lelah, dan boleh digantikan dengan fidyah. Tetapi sambutan dalam Dunia Barat lain lagi,

Dikatakan bahawa Burguiba adalah seorang Presiden Islam yang maju caranya berfikir. Dialah satu-satunya Kepala Negara Muslim yang menentang kekolotan dan menghapuskan syari'at puasa, yang sangat menghalangi produksi.

Setelah saya cek berita ini dengan beberapa Ulama Tunisia yang saya temui di Kuala Lumpur dan di Tunisia sendiri mengertilah saya, bahawa Burguiba hanya mengemukakan saja pendapat atau hasil ijihadiah yang pernah dikemukakan oleh Sheikh Mohammad Abdur, sebagai pernah di salin oleh Syed Rashid Ridha dalam Tafsir "Almanar", bahawa orang Arab yang bekerja dipertambangan atau buruh-buruh kasar yang penghidupannya bergantung kepada pabrik-pabrik atau tambang itu, boleh mengganti puasanya dengan fidyah.

Artinya ialah, bahawa kalau ada pemuka-pemuka Islam yang mengeluarkan pendapat baru, yang amat disukai oleh Dunia Barat atau Dunia Komunis dan amat menguntungkan bagi Alghazwul Fikri mereka, semuanya itu akan dijadikan mata rantai yang didasarkan kepada propanganda bebas, buat melemahkan perhatian Kaum Muslimin modern terhadap Islam.

Tujuan yang utama dari segala usaha ini ialah menanggalkan cita-cita Islam itu dari hati Kaum Muslimin sendiri. Sehingga setelah negerinya merdeka, kaum Muslimin yang beroleh kekuasaan itu sendirilah yang paling takut atau benci atau anti kalau Agama Islam dijadikan dasar kehidupan atau dasar pembangunan Negara.

(Bersambung keluaran yang akan datang, insyaallah).

ADAB MENGERJAKAN HAJI

(Dipetik dari ceramah Mufti Kerajaan Negeri Sarawak, Dato' Abd Kadir Hasan dalam rancangan Seruan Haji Musim 1406 yang disiarkan oleh RTM)



Semasa menuaikan Haji hendaklah meninggal nafkah kepada keluarga.

Setiap orang yang bermaksud dan bercita-cita hendak mengerjakan ibadah haji sudah tentulah mengharapkan supaya hajatnya itu diterima serta mendapat keredhaan dan pengampunan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Alangkah kecawa dan rugi rasanya kiranya ibadah haji yang

telah di kerjakan dengan begitu susah payah dan melalui banyak penderitaan menjadi sia-sia dan tidak menjadi haji yang mabruk iaitu haji yang menjadi idaman kita semua:-

"Haji yang mabruk itu balasannya tiada lain melainkan syurga."

BEKALAN

Untuk menyempurnakan ibadah haji, Allah Subhanahu wa Ta'ala telah memerintahkan kita supaya membawa dan menyediakan bekalan yang secukupnya iaitu bekalan yang berupa kebendaan seperti makanan, minuman, pakaian, ubat dan wang ringgit dengan firmanNya yang bermaksud:-

"Bawalah olehmu bekalan kerana bekalan itu memang amat diperlukan dalam masa mengerjakan haji."

Islam tiada menyuruh kita mengerjakan haji itu dengan cara meminta sedekah apabila sampai di Makkah tanpa membawa bekalan yang secukupnya. Hal ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis riwayah Al-Bukhari dan Abu Daud bermaksud:-

"Dari pada Ibnu Abbas radhiyallahu anhu, katanya, ada orang dari negeri Yaman yang naik haji tanpa membawa bekalan. Mereka berkata kami bertawakkal sahaja kepada Allah maka apabila mereka sampai di Makkah mereka meminta sedekah."

Kerana itu maka turunlah ayat yang bermaksud:-

"Bersedialah kamu membawa bekalan yang secukupnya maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah at-taqwa."

TAQWA

Ayat itu jelas menerangkan bahawa bekalan kebendaan seperti wang ringgit, makanan dan sebagainya memang sangat diperlukan untuk mengerjakan haji seperti yang dimaksudkan oleh firman Allah tadi, tetapi Allah juga mengingatkan kita pula dengan firmanNya yang bermaksud:-

"Maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah at-taqwa dan hendaklah

kamu bertaqwa kepada aku wahai orang yang berakal."

Ini bererti bukanlah bekalan yang berupa kebendaan seperti wang ringgit itu sahaja yang perlu dibawa, malah yang lebih penting dan yang lebih perlu lagi kita mesti melengkapkan diri dengannya iaitu 'bekalan at-taqwa'. Yang bermaksud dengan taqwa itu iaitu kita mengerjakan sesuatu kebaikan itu semata-mata kerana Allah dengan ikhlas, khusyu' dan ta'tat.

Taqwa adalah dasar yang paling penting dalam melaksanakan semua ibadah dan membuat kebaikan. Allah berfirman yang bermaksud:-

"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa daripada kamu."

ADAB

Untuk tujuan inilah maka ulama' telah menggariskan beberapa panduan mengenai adab, kesempurnaan pada mengerjakan ibadah haji walaupun bukan merupakan rukun atau wajib haji tetapi ianya adalah dianggap penting juga dalam menyempurnakan ibadah haji ini kerana ada hubungannya dengan makna taqwa seperti yang telah disebutkan tadi.

Di dalam kitab Manasik Al-Haj oleh Imam Al-Nawawi ada diterangkan tentang adab bagi orang yang pergi menuaikan haji dan umrah yang patut diambil perhatian. Diantaranya ialah:- "Apabila seseorang itu telah berazam untuk menuaikan ibadah haji dan umrah maka hendaklah ia segera bertaubat daripada segala maksiat dan dosa yang telah dilakukannya. Membersihkan dirinya daripada melakukan sebarang

penganiayaan dan kezaliman terhadap makhluk Allah, bersegera membayar hutang jika ada."

JANGAN BERHUTANG

Perkara hutang ini perlulah dibereskan terlebih dahulu kerana sekiranya seseorang itu mempunyai hutang yang belum beres, tiba-tiba menemui ajalnya sudah tentulah hutang itu menjadi sesuatu beban yang berat ke atasnya sekalipun dia telah dapat menuaikan haji. Bebanan hutang itu akan menjadi penghalang kepadaanya untuk sampai ke makam yang sepatutnya dia sampai sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:-

"Roh seseorang mukmin sesudah matinya adalah tersekut dari sampai ke makamnya yang mulia di sisi Allah sehingga alah hutangnya dibayar."

Di dalam sebuah hadis yang lain diriwayat oleh Al-Nisa'i bermaksud:- "Demi Tuhan yang membawa aku ditangannya, kalaularu seseorang itu mati dalam perperangan menegakkan agama Allah mungkin ditakdirkan dia hidup semula mungkin dia mati sekali lagi dalam perjuangan menegakkan agama Allah kemudian dia hidup semula mungkin dia mati lagi dalam menegakkan agama Allah sedangkan dia masih menanggung hutang, nescaya tiadalah dia masuk surga sehingga alah hutangnya dibayar."

Begitulah beratnya menanggung hutang sebab itulah dianjurkan sebelum seseorang itu hendak menuaikan ibadah haji hendaklah dia berusaha menjelaskan hutangnya terlebih dahulu jika dia ada berhutang.

JAGA AMANAH

Begitu juga dengan harta atau

sesuatu yang diamanatkan orang kepada kita, hendaklah harta atau sesuatu yang diamanahkan itu dikembalikan kepada tuannya yang memiliki supaya apabila berlaku sesuatu kepada kita dalam masa mengerjakan haji itu, tidaklah amanah itu akan menyusahkan diri kita dan juga orang yang memiliki harta itu.

Dianjurkan juga kepada orang yang hendak menunaikan fardhu haji itu supaya dihalalkan segala yang terjadi di antaranya dengan kawan-kawannya atau jiran tetangganya atau sesiapa yang berkaitan dengannya di dalam pergaulan, makan minum, terlanjur pertuturan dan sebagainya. Halal berhalal ini dianjurkan supaya kita berada di dalam keadaan yang bersih ketika mengerjakan ibadah yang mulia ini. Begitu juga jika kita hendak mewasiatkan sesuatu, tuliskanlah wasiat itu dengan disaksikan oleh saksi yang sah. Kalau ada hutang yang tiada dapat hendak disegerakan pembayarannya oleh sebab yang tertentu, hendaklah dia melantik wakilnya untuk menyelesaikan hutang itu.

SARA HIDUP ANAK ISTERI

Perkara yang tiada harus diabai oleh orang yang hendak menunaikan ibadah itu iaitu tentang nafkah atau sara hidup bagi anak isteri yang tinggal dan orang yang di bawah tanggungannya, nafkah itu hendaklah disediakan dengan secukupnya selama pemergian sehingga dia balik supaya tidaklah mereka yang tinggal itu akan mengalami kesusahan.

REDHA IBUBAPA

Di antara adab yang dianjurkan juga kepada bakal jemaah haji yang mempunyai ibubapa yang masih hidup, hen-

daklah dia mendapat keredaan kedua orang tuanya. Jangan melakukan sesuatu yang melakukan hati mereka, layanilah kedua ibubapa itu dengan sebaik-baiknya supaya pemergian itu mendapat restu dan doa daripada mereka, kerana doa kedua ibubapa itu adalah makbul. Sebagaimana dalam hadis riwayatkan oleh Tarmizi dan Abu Daud daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:-

Nabi S.A.W. bersabda: Ada tiga doa yang mustajab, tiada syak lagi padanya iaitu doa orang yang kena zalim, doa orang musafir dan doa ibubapa ke atas anaknya.”

DUIT YANG HALAL

Di antara adab mengerjakan haji yang tiada kurang pentingnya ialah tiap-tiap orang yang hendak mengerjakan haji

itu hendaklah bersungguh-sungguh dan berhati-hati menjaga supaya jangan hendaknya nafkah atau perbelanjaan untuk menunaikan haji dan umrah itu bercampur-aduk dengan harta yang haram. Hendaklah dipastikan bahawa hartanya itu adalah harta yang bersih dan halal, jauhkan sama sekali daripada harta yang haram kerana menunaikan haji dengan harta yang haram atau bercampur dengan yang haram itu tiada akan membolehkan seseorang itu mendapat haji yang mabrur. Walaupun pada zahir hukumnya itu adalah sah mengikut pendapat As-Shafi'i dan Jumhur Ulama' tetapi ianya jauh daripada dikabulkan oleh Allah kerana Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah itu baik dan bersih. Tiada Dia menerima, malainkan yang baik dan yang bersih."

RANGKUMAN DOA DO'A SETELAH MAKAN

أَنْحَدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَجَعَلَنَا مُسْلِمِينَ

Alhamdulillaahil ladzi 'ath' amanaa Wasaqaanaa Waja'alanaa muslimin.

Ertinya:

"Segala puji bagi Allah yang telah memberi makan dan minum kepada kami, dan telah menjadikan kami dari golongan orang Islam.

(H.R. Abu Dawud, Turmuzi dan Nasaai. Dari Abi Said Al Khudri. r.a.)

AMANAH DAN DUSTA

TIADA BERIMAN SEORANG YANG TIDAK AMANAH DAN BERDUSTA

Petikan dari Berita Harian 14 Disember 1986

Tulisan Fadzlullah Abdullah



Berbuat baik satu sama lain adalah jalan yang mulia disisi Allah.

BAHAYA LIDAH

Diantara dosa-dosa besar yang perlu kita renungi bersama dan termasuk dalam sifat-sifat mazmumah (terkeji) ialah; perbuatan umpat-mengumpat, dan yang lebih berat lagi, iaitu mengadu domba. Yang dimaksudkan dengan 'mengadu domba' di sini ialah melaga-lagakan seseorang dengan seseorang yang lain dengan tujuan mengeruhkan pergaulan dan menimbulkan permusuhan sesama manusia.

Di dalam surah Al-Qalam, ayat 10 dan 11, Allah s.w.t berfirman, yang bermaksud: "Dan janganlah kamu tunduk (ikut) kepada orang yang suka bersumpah lagi hina, yang suka mencela, yang berjalan ke sana ke mari menghambur fitnah".

Allah s.w.t. juga tidak suka seseorang itu apabila bersama orang lain memberitahu sesuatu kepada mereka yang tidak mengetahuinya dan kemudian menghasut mereka.

BERJANJI

Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w. di dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Sejelik-jelik hamba Allah, iaitu orang-orang yang berjalan ke sana ke mari untuk mengadu domba, yang memecahbelah antara kekasih dan yang suka mencari cacat orang-orang yang baik."

Adalah benar bahawa lidah itu mendahului kepada setiap janji. Di kalangan kita ada orang-orang yang

suka berjanji tetapi tidak langsung berusaha menepati janji-janji yang telah dibuatnya atau tidak menepatinya tanpa ada apa-apa halangan. Ini wujudlah apa yang dikatakan janji dusta atau menyalahi janji. Janji yang dimaksudkan di sini ialah perhubungan sesama manusia, iaitu janji dengan tulisan atau pun janji melalui mulut.

Oleh itu setiap orang Islam mestilah menepati dan menyempurnangkan janji-janji yang telah dibuatnya.

Allah s.w.t. berfirman di dalam surah Al-Maidah, ayat 1, yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, tepatilah segala janjimu".

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama seseorang yang tida menunaikan janji."

BERLEBIHAN

Sabda Baginda lagi, yang bermaksud: "Janji itu seperti hutang atau lebih utama daripada hutang."

Juga, janganlah sekali-kali cuba membohong atau menipu seseorang kerana walaupun sekali membohong atau menipu, apabila diketahui oleh orang yang kena bohong atau yang ditipu, orang yang membohong atau menipu itu tidak akan dipercayainya buat selamanya.

Bercakap dengan meng-

gunakan perkataan yang berlebihan atau memutarbelitkan sesuatu keadaan yang sebenarnya juga adalah termasuk perbuatan tercela. Ini termasuk juga mencampurkan sesuatu yang tidak penting dan menambah pada yang mustahak.

Seseorang itu mungkin sengaja membesar-besarkan sesuatu perkara dengan menambah perkataan-perkataannya sendiri. Perkara yang tidak sebegini buruk dijadikannya bertambah buruk ataupun sesuatu perkara itu yang tidak ada, disengaja diada-adakan atau direka-rekakan.

Sifat suka keji-mengeji dan maki-memaki juga wujud akibat salah guna lidah. Di dalam masyarakat kita, bahkan dikalangan kawan-kawan kita, ada juga mereka yang suka mengeji dan memaki orang sebaik sahaja dia mula bercakap.

Sabda Rasulullah s.a.w. di dalam sebuah hadis, yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban daripada Abu Hurairah, yang bermaksud: "Jagalah dirimu dari keji-mengeji kerana Allah s.w.t. tidak menyukai kekejian dan orang yang membuat kekejian."

Di dalam sebuah hadis yang lain, yang diriwayatkan oleh At-Turmuzi dari Ibnu Mas'ud, Rasulullah s.a.w. bersabda, yang bermaksud: "Tidaklah orang mukmin itu pencela, pengutuk, pembuat perbuatan keji, dan berlidah kotor."

MENGHINA

Ada juga terdapat orang-orang yang suka kutuk-mengutuk di belakang seseorang itu. Ini juga termasuk perbuatan tercela dan berdosa.

Sabda Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, yang bermaksud: "Sesungguhnya pengutuk-pengutuk itu, tidak memperolehi syafaat dan syahid pada hari Kiamat."

Perbuatan menghina, mengejek dan memperolok-olokkan sesama manusia juga adalah diharamkan. Ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t. di dalam surah Al-Hujurat ayat 11, yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman! Janganlah sekumpulan orang laki-laki menghinakan kaum laki-laki (yang lain), kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik daripada kaum yang menghinakan itu, dan jangan pula sekumpulan kaum perempuan menghinakan kaum perempuan yang lain kerana boleh jadi kaum perempuan yang dihinakan itu lebih baik dari perempuan yang menghinakan itu. Janganlah kamu cela-mencela sesama kamu dan jangan pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran (yang tidak baik)."

Orang-orang yang menyeru orang lain supaya membuat kejahatan adalah tidak bertanggungjawab dan berdosa besar.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda, yang bermaksud: "Seseorang

yang mengajak orang lain mengerjakan sesuatu amalan yang baik adalah baginya pahala sebanyak pahala orang-orang yang menurutnya tanpa mengurangi sedikit pun pahala itu daripada pahala mereka, dan sebaliknya seseapa yang mengajak seseorang itu ke jalan mengerjakan sesuatu amalan yang menyesatkan adalah ia menanggung dosa sebanyak dosa orang-orang yang menurutnya tanpa mengurangi sedikit pun dosa itu daripada dosa-dosa mereka."

Di dalam sebuah hadis yang

lain, Rasulullah s.a.w. bersabda, yang bermaksud: "Janganlah kamu saling menghasut dan jangan saling bertolak belakang dan jangan saling membenci tetapi jadilah kamu hamba Allah bersaudara."

Berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan diatas, maka ternyata betapa pentingnya seseorang itu mengawasi lidahnya supaya dapat melaksanakan amalan-amalan yang baik. Sesiapa yang tidak mengawasi lidahnya akan terjerumus ke dalam akhlak yang dilarang.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :
اِضْمَنُوا إِلَيْيَا اِسْتَأْضِمْنُ لَكُمُ الْجَنَّةَ : اصْدِقُوا اذَا حَدَثْتُمْ ،
وَأَوْفُوا اذَا وَعْدْتُمْ وَارْبَدْ وَإِذَا اُتْتُمْ بِمَا حَفَظْتُمْ فَرُوْجُكُمْ ،
وَعَصَمُوا أَبْصَارَكُمْ بِمَا كُوْنُوا أَيْدِيْكُمْ (رواه احمد)

Telah besabda Rasulullah SAW.:

"Jaminkan kepadaku enam perkara, aku jaminkan kepadamu syorga:

- (1) Hendaklah kamu berkata yang benar;
 - (2) Hendaklah kamu menepati janji;
 - (3) Hendaklah kamu menunaikan amanat;
 - (4) Hendaklah kamu memelihara kehormatan; (Jangan berzina)
 - (5) Hendaklah kamu menundukkan penglihatanmu; (Jangan suka melihat perempuan yang bukan muhrimmu)
 - (6) Hendaklah dapat menahan tanganmu; (tidak lancang tangan).
- (Riwayat Ahmad)

INDIVIDU DALAM MASYARAKAT



Sicat juga perlukan bantuan dari masyarakat.

INDIVIDU DAN MASYARAKAT

Oleh: Kiyahi Haji Fatullah Harun, Imam Besar Negeri Sarawak,
(daripada Khotbah Jum'at di Masjid Negeri)

Ajaran Islam menyuruh supaya pemeluknya jangan hanya memikirkan diri sendiri dalam kehidupan masyarakat ini, akan tetapi haruslah juga memikirkan keadaan manusia yang lain dan selalu saling bantu membantu.

Allah s.w.t. berfirman dalam Al-Quran:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَى
وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىٰ

الْإِثْمِ وَالْعَدْوَانِ
(المائدة ٢٠)

Artinya: "Bertolong-tolonganlah kamu atas kebaikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan atas kejahanatan dan permusuhan."

Antara individu (perseorangan) dengan masyarakat mempunyai hubungan timbal balik. Masyarakat itu diciptakan oleh manusia.

Ahli-ahli sociologi mengibaratkan masyarakat laksana suatu rumah tangga. Setiap penghuni rumah tangga berkepentingan supaya tempat tinggalnya itu menyenangkan hatinya, dimana dapat menghayati hidup dan kehidupan dengan penuh nikmat. Rumah tangga itu baginya mempunyai fungsi "Tempat berlindung diwaktu panas, tempat berteduh dikala hujan."

Dengan sendirinya, setiap penghuni rumah tangga mempunyai hak-hak dan kewajiban-kewajiban. Hak-haknya sudah jelas. Adapun kewajiban-kewajibannya secara umum ialah memelihara dan menjaga serta berusaha agar rumah tangganya itu aman, tenteram, jauh dari unsur-unsur yang dapat menggongangkan dan kemudian mungkin merobohkannya.

Demikian jugalah halnya dengan masyarakat. Setiap individu mempunyai kewajiban untuk menjaga agar masyarakatnya itu mempunyai dasardasar yang kuat, yang dapat berdiri tegak dalam segala keadaan dan situasi.

Ajaran Islam tentang tanggungjawab individu

Islam mengajarkan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakatnya, tanggungjawab untuk menciptakan kebaikan-kebaikan dan kebijakan-kebijakan, yang dalam istilah sekarang dinamakan pembangunan. Dalam Al-Quran dipakai perkataan-perkataan yang umum, iaitu ishlah (صلاح) artinya, menciptakan kebaikan dan kebijakan.

Tanggungjawab individu untuk membangun masyarakat itu bukan saja turut berusaha menanamkan benih-benih kebaikan dan kebijakan, tapi juga mempunyai tanggungjawab untuk

menghilangkan kerosakan dan kebinasaan, bahkan untuk membenterasnya. Umat Islam disuruh berusaha, bukan saja untuk melaksanakan kebaikan, tapi juga menghindarkan dan menghilangkan keburukan.

Dalam Al-Quran oleh Allah dinyatakan:

وَلَا تَفْسِدُ وَافِي الْأَرْضِ
بَعْدَ إِصْلَاحِهَا
• (٥٦) الْأَعْرَافُ

"Janganlah kamu berbuat kebinasaan dimuka bumi sesudah ada kebaikan.

Setiap perbuatan yang merosak, yang pada pokoknya dilarang oleh agama, haruslah dihindarkan atau dijauhkan. Bukan saja untuk dan terhadap diri sendiri tapi juga untuk dan terhadap orang lain. Umpamanya, setiap Muslim wajib menghindarkan riba, sebab riba itu diharamkan oleh Islam kerana merosak kepada masyarakat dan manusia. Oleh sebab itu, termasuk dalam kategori kejahatan juga apabila menyantuni orang-orang miskin dengan harta yang bersumber dari perbuatan riba. Dalam kaedah fiqhi ada satu ketentuan yang menyatakan: "sesuatu yang diharamkan menerimanya, diharamkan pula memberikannya." Dalam hubungan dengan soal riba itu umpamanya, ada hadith rasulullah yang telah menggariskan."

لَعَنَ اللَّهِ أَكْلُ الرِّبَآ

وَمُوكِّسَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَهُ

"Allah melaknat pemakan-pemakan riba, orang-orang yang mewakilinya, yang mencatatkannya dan menyaksikannya."

Demikian juga halnya seperti perbuatan korupsi. Membantu orang lain atau beramal dengan hasil wang korupsi, adalah penyebar luasan tentang tindak kejahatan dan dipandang oleh Islam perbuatan yang merosak. Berkennaan dengan ini dijelaskan oleh Rasulullah.

لَعْنَ اللَّهِ الرَّا شِي
وَالرَّتْشِي

(الحادي ث)

Artinya: "Allah mengutuk orang yang memberi rasuh dan yang menerima rasuh."

Dari ungkapan-ungkapan diatas jelaslah, bahawa seorang Muslim dimintakan supaya turut membangun masyarakat, dan dilarang memperbuat kerosakan-kerosakan. Seandainya seseorang tidak mampu membuat kebaikan, atau tidak bisa turut membangun, atau tidak bisa menjauhkan kejahatan, maka paling kurang (minima) dimintakan daripadanya jangan turut memperluaskan atau menyebarkan kejahatan itu, apatah lagi mempelorinya, yang dalam peribahasa disebutkan "Jangan sampai tongkat membawa rebah."

Amar Ma'ruf, Nahi Munkar

Islam mewajibkan kepada setiap

Muslim dan Muslimah untuk melakukan amar ma'ruf dan nahi munkar, yaitu "Mengajak sesama manusia mengerjakan kebaikan dan mencegah kelakuan kejahatan. Dalam Al-Quran, Allah s.w.t. berfirman:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ بَعْضٌ ،
يَا مَرْوَنَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ .

"Antara sesama Mukmin laki-laki dan perempuan harus saling pimpin-mimpin. Mereka menyuruh mengerjakan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan."

Dalam Al-Quran ditemui 38 kali perkataan ma'ruf dan 20 kali perkataan munkar. Amar ma'ruf dan nahi munkar itu mengandung unsur kesatuan yang tak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain, berjalin berkelindan. Amar ma'ruf dan nahi munkar itu hukumnya wajib peribadi (fardhu ain) bagi setiap Muslim dan Muslimah. Tidak seorang juga pun yang dapat di bebaskan dari tanggungjawab itu. Ada orang yang mengatakan, bahawa yang perlu ditonjolkan ialah amar ma'rufnya saja, sedang nahi munkarnya boleh dikebelakangkan. Pandangan yang demikian adalah keliru. Amar ma'ruf dan nahi munkar harus dijalankan seirama dan senafas, meskipun pelaksanaannya didahului amar ma'ruf. Tetapi tidak berarti bahawa nahi munkar itu boleh didiamkan atau dipeti

aiskan "demi untuk kepentingan, ketenangan, setabiliti" dan yang seumpamanya. Apabila dalam sesuatu masyarakat, soal nahi munkar itu menonjol menjadi topik sehari-hari, maka hal itu adalah satu pertanda bahawa dalam masyarakat tersebut banyak terjadi kejahanan-kejahanan.

Cara melaksanakan nahi munkar

Islam juga sudah mengatur tatacara melakukan nahi munkar itu. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Syed Al-Khudri, Rasulullah bersabda:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا
فَلَا يَغْيِرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ
يُسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ
يُسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ
وَذِلِكَ أَضَعْفُ الْإِيمَانِ
(رواه مسلم)

Artinya: "Barangsiapa diantara kamu yang melihat kemunkaran, hendaklah dirobah dengan tangannya. Jika tidak mampu, hendaklah dirobah dengan perkataan, jika tidak mampu, hendaklah dirobah dengan (dalam) hati. Sikap yang demikian adalah selemah-lemah iman."

Dalam hadith tersebut dijelaskan tiga cara mencegah kejahanan itu. Pertama, dirobah dengan tangan. Maksud-

nya, dengan kekuasaan, pengaruh dan yang seumpamanya. Jadi bukanlah maksudnya secara liar. Tapi semua harus berlandaskan hukum.

Kedua, dirobah dengan lisan. Umpamanya, dengan memberikan nasihat, mengemukakan didepan forum-forum rasmi (dewan permusyawarat rakyat), memberikan peringatan dan lainnya. Tentu saja dilakukan dengan tidak perlu "Tarik urat leher", mengucapkan kata-kata yang menggeledek dan "bom-bastik". Harus dilakukan dengan bijaksana dan sopan.

Ketiga, dirobah didalam hati, artinya, dalam hati tetap "berontak" menentang kejahanan itu. Hanya lemah dan tidak mampu melakukan tindakan pertama dan kedua. Ini adalah potret jiwa Mukmin kelas rendah.

Akibat tidak melakukan nahi munkar

Apabila tidak dilakukan sikap nahi munkar itu, pada hal ada kemampuan untuk menjalankannya, maka akibatnya bisa menimbulkan bencana umum yang menimpas masyarakat secara keseluruhan. Semuanya turut menderita dan memikulnya. Ibarat peribahasa "seorang yang makan nangka, semua kena getahnya" Allah s.w.t. memperingatkan dalam Al-Quran:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبُنَّ الَّذِينَ
ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ،
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ
(الأنفال ٢٥)

(Al-Anfal: 25)

Yang berarti: "Dan takutilah fitnah (bala bencana) yang bukan khusus menimpa orang kamu yang bersalah saja diantara kamu. Ketahuilah, siksa Allah amat keras."

Baik dalam Al-Quran maupun hadith, banyak ditemui peringatan-peringatan supaya orang-orang Mukmin jangan bersikap "Angkat bahu saja" terhadap sesuatu kejadian. Sebab akibatnya bisa meluas menjadi bencana umum. Rasulullah menyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Turmidzi:

إِنَّ النَّاسَ إِذَا أَوْلَوُا الظَّالَمَ لَمْ
يَأْخُذْ وَاعْسَى بِدِيهِ أُوْشَكَ أَنْ
يَعْصِمُهُمْ بِعِقَابٍ مِّنْ عِنْدِهِ .
(رواه مسلم)

Artinya: Apabila kamu melihat orang yang zalim dan tidak bertindak terhadapnya, maka dikhuatirkan Allah menimpakan siksa yang sifatnya menyeluruh.

Jadinya, orang-orang yang baikpun akan kena percikan siksa Illahi itu. Hal itu ditegaskan lebih jauh oleh Rasulullah tatkala isteri beliau, Zainab binti Jahash menanyakan kepada Nabi, "Ya Rasulullah

adalah kami akan hancur, sedang ditengah-tengah kami ada orang-orang yang saleh?"


Memang, jawab Rasulullah, apabila kejadian sudah semakin banyak. Dalam satu hadith yang lain yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Turmidzi dari Nukman bin Basyr Rasulullah mengibaratkan masyarakat laksana sebuah kapal yang sedang meluncur ditengah-tengah laut dengan penumpang-penumpang yang banyak. Jika seorang saja dalam kapal tersebut melubangi dinding kapal, kerana ia perlukan air, sedang penumpang-penumpang yang lain diam saja, tidak mencegah perbuatan itu, maka lambat laun air laut akan penuh masuk kedalam.

Dari ungkapan-ungkapan diatas, jelaslah bagaimana eratnya hubungan individu dengan masyarakat dan betapa pula perbuatan seorang atau satunya golongan bisa membahayakan kepada masyarakat secara keseluruhan. Sikap hidup seorang Muslim haruslah selamanya memikirkan kepentingan umum dan kepentingan bersama seperti diperintahkan dalam hadith:

وَمَنْ لَمْ يَهْتَمْ بِأَمْرِ
الْمُسْلِمِينَ فَلَمْ يَنْهَا
مَنْ دَعَهُ مَنْ دَعَهُ

Artinya: Barangsiapa yang tidak mementingkan urusan Muslimin, maka mereka tidaklah masuk dalam golongan orang-orang Islam.


DADAH



Penyalahgunaan Dadah

(Oleh: Dr. Abang Yusuf bin Abang Abdul Razak)


Dadah membunuh anda, jauhilah dari menghisap DADAH.



Mata menjadi kuyu akibat penyalahgunaan dadah.

Mengikut definisi yang digunakan dalam bidang perubatan dadah bererti apa-apa benda yang mempunyai kesan yang nyata terhadap anggota badan kita. Ini termasuk zat logam dan kimia, tapisan-tapisan akar kayu daun dan buah segala tumbuhan atau tapisan dari anggota-anggota binatang. Kebanyakan dadah yang digunakan sekarang adalah hasil rekaan dari berbagai peringkat reaksi kimia yang mempunyai bentuk dan sifat-sifat dadah asli.

Penyalahgunaan dadah dalam masyarakat kita jika kita tinjau dengan lebih mendalam adalah masalah yang besar dan bukan terhadkan kepada pengambilan dadah narkotik sahaja. Untuk misalan, pengambilan ubat "Panadol" atau jenis yang serupa dalam masyarakat dalam bandar telah menjadi suatu kebiasaan hingga ianya diambil untuk apa-apa tanda tidak keselesaan badan. Pernah kita dapatti mereka menggunakan panadol untuk sakit perut atau 'dugal' dan akibatnya sakit tadi bertambah kuat. Dan dikalangan masyarakat



Candu mentah



Heroin

luar bandar penggunaan serbuk demam atau bisa pala seperti "Cap Kaki Tiga" atau "Cap Harimau" telah menjadi satu kebiasaan, seperti penggunaan panadol dikalangan masyarakat dalam bandar.

Disini saya akan membincangkan masalah penyalahgunaan dadah narkotik sahaja, oleh kerana masalah ini telah merebak dengan begitu pesatnya hinggakan semua golongan masyarakat kita menjadi sasaran ancamannya. Penggunaannya bertentangan dengan maksud dalam segi perbuatan, dan jenis dadah ini mempunyai sifat yang membawa

'ketagihan' kepada mereka yang mengamalkannya. Ketagihan bermaksud pembentukan process ubah-suai dalam penggerakan tubuh badan kita dengan adanya dadah tersebut dalam saluran darah kita. Dikalangan mereka yang telah ketagih, anggota badan mereka telah mencapai taraf, dimana jenis dadah tersebut menjadi satu keperluan untuk penggerakan yang biasa, dan tanpa dadah tersebut menjadi anggota badan yang telah ketagih tidak dapat menjalankan fungsi-fungsi tertentu. Diperengkat perseorangan, tanpa penggambilan dadah akan menimbulkan perasaan gelisah, bimbang dan berbagai tanda-tanda fisikal yang lain. Tanda-tanda ini dikenal oleh golongan penagih sebagai 'gian'.

Jenis-jenis dadah yang terlibat:

1. Candu atau Opium
2. Morphine
3. Heroin
4. Marijuana (ganja)
5. Barbiturates dan jenis ubat sedatives yang lain
6. Amphetamines
7. MX pills atau Mandrax (Methaqualone)

Candu, morphine dan heroin biasanya digumpul sebagai jenis dadah narkotik sebab khasiatnya jika diambil berterlalu mengakibatkan penentraman perasaan dan fikiran hingga hampir keperingkat tidur. Dan ketiga-tiga nya didapati dari sumber yang sama, iaitu dari buah pokok poppy.

(1) Candu atau Opium

Telah digunakan di Asia Kecil sejak

4,000 tahun sebelum Masehi mengikut catitan-catitan peninggalan zaman tamadun Sumeria. Penggunaannya telah meresap dalam kebudayaan dizaman tamadun Egypt, Greek dan Rome. Menjadi punca perperangan dinegeri Cina dengan pihak Inggeris (1839-1842) dan juga dengan pihak bersama Perancis dalam tahun 1856.

Didapati dari susu getah yang mengalir keluar selepas kikisan keatas buah poppy (jenis Papaver Somniferum) yang belum masak. Biasanya diedar dalam ketul kering berwarna hitam atau sebagai serbuk powder hitam.

Biasa diambil oleh ketagih dengan cara menghisap bersama tembakau atau ditelan. Gunanya dalam bidang perubatan ialah untuk menghilangkan perasaan sakit atau bisa disebabkan luka-luka dalam kecerderaan parah. Tidak banyak digunakan dalam perubatan pada masa ini untuk tujuan tersebut dengan adanya ubat lain yang tidak membawa ketagihan.

Khasiat lain ialah perasaan ketenteraman jiwa, selesa, khayalan kegiaran seumpama dapat menguasai alam semesta. Inilah khasiat yang diigini oleh ketagih.

Akibat lain terhadap anggota badan ialah mengurangkan kecerdasan bernafas, dan sistem penghazaman; menimbulkan perasaan muntah-muntah.

(2) Morphine

Mula didapati dari tapisan opium oleh Friedrich Serturner dalam tahun 1803. Mempunyai sifat yang serupa seperti opium.

Biasa diedarkan dalam bentuk serbuk. Digunakan dalam bidang perubatan secara suntikan untuk menahan bisa

dalam sakit jantung (heart attack atau myocardial infarction), untuk bisa bisa disebabkan oleh penyakit cancer yang telah berlarutan.

(3) Heroin

Mula dibuat dengan memproses morphine dalam tahun 1980. Digunakan pada mula-mulanya untuk mengatasi ketagihan kepada opium dan morphine tetapi setelah diketahui ianya juga membawa ketagihan, pengeluaran dan penggunaannya dibidang perubatan telah diharamkan diperingkat antarabangsa.

Oleh kerana memproses heroin dari morphine tidak begitu sukar maka ada juga terdapat pengeluaran haram dari laboratory kecil dibeberapa negeri. Biasa diedarkan dalam bentuk serbuk powder dan warnanya berlainan mengikut tempat pengeluaran. Di Asia Tenggara, heroin biasanya dijual sebagai serbuk kasar berwarna merah tua ataupun warna coklat seperti sebuk "ovaltine". Di Eropah biasa dibekalkan sebagai serbuk powder putih. Mempunyai bau seperti bau cuka.

Biasa diambil oleh penagih dadah secara sedutan setelah dipanaskan diatas kertas yang mempunyai lapisan 'timah' seperti kertas membalut rokok. Ada juga diambil secara suntikan kedalam saluran darah ('intravenous'). Mempunyai kesan seperti morphine dan opium tetapi kesannya timbul lebih cepat.

(4) Ganja (Marijuana)

Juga dikenal dengan nama Cannabis, Hashish, Charas, Grass, Rope dan beberapa nama lain oleh golongan penagih. Ganja diperolehi dari sejenis tumbuhan liar. Ianya telah digunakan sebagai ubat sejenis ubat dinegeri

Cina sejak 400 tahun sebelum Masehi. Ia mula digunakan sebagai ubat dalam perubatan barat dalam tahun 1839 oleh O'Shaughnessy, seorang doktor perubatan Inggeris yang bertugas di Calcutta, India. Sejak itu ia digunakan untuk menghilangkan sakit bisa, melegakan keterikkan otot, kepenatan badan, bisa sendi-sendi dan sebagainya.

Penggunaan ini dalam perubatan cara Barat telah diberhentikan sejak tahun 1941.

(5) Barbiturate dan jenis-jenis serupa

Barbiturate adalah jenis ubat penenstram yang digunakan untuk pesakit yang mempunyai masaalah emosi, kebimbangan dan susah hati yang keterlaluan hingga menjaskan pekerjaan sehariannya dan tidak dapat tidur. Ubat ini biasa dibekalkan kepada pesakit mengikut jadual yang tertentu dan kawalan rapi tentang pengambilannya.

Banyak jenis ubat penenstram yang ada dalam pasaran sekarang. Barbiturate ada ber puluh jenis tetapi yang banyak digunakan ialah Phenobarbitone, barbitone dan secobarbitone. Penenstram yang lain yang mempunyai tindakan serupa Benzodiazepines dan yang ada dalam pasaran kita disini termasuk Valium, Mogadon, Rohypnol atau lebih terkenal lagi dikalangan penagih sebagai "Roche-2".

Ada golongan tertentu yang ketagih kepada dadah penenstram sahaja dan mereka mendapat bekalan menerusi salarun yang sah dengan menceritakan masaalah emosi kepada para doktor. Dan jika terpaksa mereka sanggup berdusta untuk melanjutkan pembekalan. Tetapi penagih yang menjadi masaalah besar

ialah penagih dadah narkotik yang juga menggunakan dadah penenetrant ini secara berlebihan untuk menghilangkan atau mengurangkan kesan yang tidak enak semasa kedatangan 'gian'

Mx pills juga mempunyai sifat serupa dengan golongan dadah barbiturate.

(6) Ampetamine

Sejenis dadah perangsang yang boleh meninggikan perasaan dan semangat individu. Dadah ini digunakan dalam bidang perubatan untuk mengurangkan nafsu makan bagi mereka

yang mempunyai masaalah berat badan yang keterlaluan. Tetapi bagi golongan yang ketagih, mereka menggunakan untuk kesannya yang boleh menambahkan stamina didalam pergerakan jasmani, menahan diri daripada mengantuk dan perasaan kecerdasan otak untuk berfikir. Biasa disalah gunakan oleh penuntut dan mahasiswa membuat persiapan untuk pepereksaan, oleh para olahragawan, dan juga pemandu kereta jarak jauh yang bekerja diwaktu malam.

Bersambung

Keluaran yang akan datang

كُل مَسْكُرٍ حَمْرَوْكُل حَمْرَ حَرَامٌ .
• (مسلم)

Rasulullah SAW. telah bersabda:

"Semua yang memabukkan dianggap seperti arak, Dan setiap arak adalah haram."

(Hadis, riwayat Muslim).

Amirul Mukminin, Umar bin Khattab, r.a. pernah mengumumkan dari atas mimbar Nabi SAW., bahawa: "Yang dinamakan arak ialah apa-apa yang dapat menutupi fikiran."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

LAPURAN LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN DARUL-FALAH BINA

1 JANUARI 1984 HINGGA
31 DISEMBER 1985

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah (S.W.T) kerana izinNya jua Lembaga ini telah dapat bergerak dengan lancarnya semenjak ia ditubuh pada 1 Januari, 1981.

2. PROGRAM LEMBAGA

Sepanjang tahun Lapuran Lembaga hanya dapat menumpukan kepada pelaksanaan program-program seperti berikut:-

- i. Tadika BINA
- ii. Institut Dakwah BINA
- iii. Skim Biasiswa/Bantuan Pelajaran
- iv. Institut Darul-Falah

3. PELAKSANAAN

Projek yang telah, sedang, dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- 3.1 Tadika BINA, Petra Jaya
Sepanjang tahun 1984-1985 Tadika BINA telah berjalan dengan memuaskan, menurut sebagaimana yang dirancangkan dengan 120 orang murid dan mempunyai kakitangan/guru seramai 13 orang

terdiri dari:-

- | | |
|--------------------|-----|
| a) Pengetua | - 1 |
| b) Guru | - 9 |
| c) Pekerja sekolah | - 2 |
| d) Tukang Kebun | - 1 |

Tuan Haji Othman Haji Zainuddin selaku Pengetua Tadika telah meletak jawatannya mulai pada 1 Oktober 1985 dan jawatan berkenaan telah dipangku oleh Ustazah Fatimah Haji Hamni mulai tarikh tersebut di atas.

Keadaan Tadika ini disegi kelengkapan dan pembelajaran serta pendidikan adalah memuaskan dan InsyaAllah harapan kita untuk membuat peningkatan selanjutnya sehingga ke tahap membolehkan Tadika ini menjadi 'model' kepada perkembangan Tadika Islam di Sarawak adalah cerah. Kegigihan serta penglibatan yang bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh guru besar, guru-guru serta

kakitangan Tadika adalah membanggakan BINA, selaku sebuah Pertubuhan Islam. Sokongan dan sambutan daripada masyarakat Islam setempat terus dapat kitakekalkan. Semenjak ditubuh hingga ke hari ini Tadika BINA terus menjadi tumpuan lawatan oleh pelawat-pelawat Dalam dan Luar Negeri.

Permohonan kemasukkan setiap tahun melebihi dari kemampuan Tadika BINA dan demi memelihara mutu pelajaran, maka bilangan yang diterima masuk terpaksa dihadkan kepada 120 orang kanak-kanak yang berumur 6 tahun sahaja. Kita berharap perancangan pembesaran Tadika dapat dilaksanakan pada masa yang akan datang, InsyaAllah.

3.2 Institut dakwah BINA, Batu 24 Jalan Kuching/Serian
Semenjak mula beroperasi pada awal bulan Februari 1984, Institut dakwah BINA telah bergerak kehadapan menurut jadual dengan mengandungi:-

- i Sebuah surau yang boleh memuatkan lebih kurang 200 orang Jamaah yang dilengkapkan juga dengan sebuah Kutubkhanan.
- ii dua blok bilik darjah yang boleh menampung kira-kira 100 orang murid.
- iii satu blok Pentadbiran yang mengandungi pejabat Am, pejabat Pengetua, bilik guru dan bilik mesyuarat.
- iv sebuah blok untuk kediaman

- v guru-guru/kakitangan dua blok asrama, satu untuk lelaki dan satu untuk perempuan lengkap dengan bilik bacaan, dewan rehat, bilik dapur dan bilik makan.
- vi tempat letak kereta dan padang permainan
- vii kawasan kebun lada mengandungi kira-kira 1,000 pokok lada yang sudah mengeluarkan hasil.
- viii dua buah kolam ikan yang siap dibina pada awal Oktober 1985 dengan kira-kira 600 ekor ikan telah dilepas untuk ternakan.

Hingga ke akhir tahun 1985, jumlah murid-murid ialah 28 orang (15 lelaki, 13 perempuan) sementara jumlah guru/kakitangan ialah 9 orang terdiri daripada:-

- | | |
|--------------------------------|-----|
| a) Pengetua | - 1 |
| b) Guru Kanan (Berijazah B.A.) | - 1 |
| c) Guru Tetap | - 3 |
| d) Guru Sambilan | - 3 |
| e) Pengawas Murid | - 1 |

Disamping menyediakan kursus-kursus tetap, Institut juga telah mengadakan kursus-kursus Khas dikelola/dibiayai oleh Institut dakwah Islamiah, (INDAH) Cawangan Sarawak, khususnya untuk saudara-saudara baru. Kursuskursus lain juga diadakan di Institut ini, ditaja oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Institusi Pengajian Tinggi Semenanjung dan Institut Teknologi Mara Cawangan Sarawak. Sepanjang tahun 1984-1985 sebanyak 240

peserta dari kalangan saudara-saudara baru dan belia-belia Islam telah mengikuti kursus di Institut Dakwah BINA, manakala bilangan pelawat dari kalangan pemimpin-pemimpin Islam Luar dan Dalam Negeri kian meningkat dari semasa ke semasa.

- 3.3 Biasiswa/Bantuan Pelajar,
Skim Biasiswa dan Bantuan Pelajar untuk belia-belia dari kalangan saudara baru berjalan terus sepanjang tahun 1984 dan 1985. Hingga ke akhir tahun 1985 Lembaga mempunyai pelajar-pelajar seperti berikut:-
- Universiti Islam As-Syafi'iyah, Indonesia - 2 orang (lelaki)
 - Darussalam Ponorogo, Indonesia - 3 orang (lelaki)
 - Madrasah Sullamiah, Kota Bharu - 2 orang (lelaki/perempuan)
 - PERKIM - 9 orang (5 lelaki, 4 perempuan)
 - Madrasah Arabiah, Kluang

Johor - 12 orang (5 lelaki, 7 perempuan)

f) Institut Dakwah BINA - 28 orang (15 lelaki, 13 perempuan)

- 3.4 Institut Darul-Falah
Alhamdulillah, kajian awal telah diselesaikan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia berhubung dengan hasrat BINA untuk mendirikan Institut Darul-Falah di Matang. Kajian awal ini menunjukkan perbelanjaan sebanyak \$200 juta diperlukan bagi mendirikan Institut tersebut. Kerana kedudukan kewangan tidak mengizinkan, maka projek ini ditangguhkan.

4. PENUTUP
Sekianlah Lapuran yang dapat disediakan berdasarkan kepada kegiatan Lembaga sepanjang tahun 1984-1985. Adalah menjadi harapan kita semua semoga kita dapat melibarkan lagi kegiatan kita di masa hadapan dan semoga segala apa yang dirancangkan akan dapat dilaksanakan.

عَنْ أَبْنَى مَسْعُودٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : "إِذَا نَفَقَ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِهِ يَعْتَسِبُهَا فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ" . (بخاري)

"Dari Ibnu Mas'ud, daripada Nabi SAW., telah bersabda beliau: "Apabila seorang lelaki (suami) memberi belanja kepada keluarganya dengan ikhlas kerana Allah, maka belanja itu dianggap sebagai sedekah."

(Hadis, riwayat Bukhari).

KEUTOHAN KESIHATAN:

PENCEGAHAN LEBIH BAIK DARIPADA PENGOBATAN

Oleh: Dr. Wan Ali Tku Madhi

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W.H.O) memberi maksud kepada istilah kesihatan sebagai suatu keadaan dimana seseorang mengalami kesejahteraan dari segi fizikal (atau jasmani), mental dan sosial dan bukan hanya sekadar bebas dari penyakit. Maksud ini sangat menyeluruh sekali dan tiga perkara yang disebut tadi iaitu fizikal, mental dan sosial adalah saling berkaitan, satu yang tidak sejahtera boleh melibatkan yang lain pula.

Perkara-perkara fizikal yang dimaksudkan termasuklah kebersihan diri, permakanan yang bersih dan seimbang, menjaga keperluan tubuh misalnya tidur yang cukup, senaman dan sebagainya. Berkenaan dengan kesihatan mental termasuklah kecerdasan otak, kebijakan bertindak, ketenteraman dan mengawal tekanan jiwa. Perkara-perkara sosial pula termasuklah menjaga hubungan kekeluargaan, menjalin silaturrahim dengan sanak-saudara, jiran tetangga, sahabat handai dan



Meminum air yang berzat menjaga kesihatan.

masyarakat umum, perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak, pelajaran, ekonomi, politik dan keselamatan.

Berdasarkan kepada pengertian kesihatan seperti ini, tidaklah dapat dinafikan bahawa untuk menjamin keutuhan kesihatan, pencegahanlah lebih baik daripada pengobatan.

Kebanyakan daripada penyakit-penyakit yang kedapatan dalam masyarakat manusia boleh dicegah daripada berlaku terutama sekali penyakit-penyakit berjangkit. Wabak-wabak seperti taun, sakit kerongkong, denggi dan sebagainya yang telah dan kerap melanda negara kita memang boleh dicegah dan kemunculan wabak ini adalah akibat kecuaian kita sendiri.

Memelihara kesihatan dan mencegah segala macam penyakit bukanlah tanggungjawab kerajaan sahaja,

malah ianya tanggungjawab kita semua baik secara perseorangan ataupun berkumpulan. Dan apa-apa langkah pencegahan untuk menjamin keutuhan kesihatan masyarakat umum haruslah mengambil kira ketiga-tiga perkara tersebut diatas. Negara kita adalah negara muda bukan sahaja dari segi sistem kerajaan dan kemerdekaannya bahkan penduduk-penduduknya terdiri sebahagian besarnya daripada orang-orang muda belaka; lebih daripada 50% di bawah umur lima belas tahun dan 15% di bawah umur lima tahun. Oleh yang demikian, dasar pencegahan dan penyampaian kesihatan kepada masyarakat, sebahagian besarnya ditujukan kepada kumpulan muda ini sebab kalau kumpulan ini sihat, insyaallah negara kita tetap akan sihat pada masa

akan datang. Rakyat sihat, negara menjadi kuat dan sejahtera.

Langkah-langkah penyampaian kesihatan dan pencegahan memang telah di sediakan oleh kerajaan, tetapi sumbutan rakyat tidaklah menyeluruh dan kurang baik kerana beberapa sebab, antaranya ialah kurang faham dan seterusnya kurang yakin tentang manfaat dari kemudahan yang disediakan, sikap acuh tak acuh dan tidak ambil berat tentang pencegahan dan kepercayaan-kepercayaan animisma dan yang karummarut.

Sekarang marilah kita lihat gejala-gejala yang membahayakan kesihatan dan cara-cara mencegah mereka baik secara perseorangan, berkumpulan atau tindakan kerajaan.

GEJALA-GEJALA	AKIBATNYA	PENCEGAHAN	
A)	Bayi hingga umur 2 tahun i) Kurang zat permakanan kerana kemiskinan atau kejihilan ii) Ceret-beret iii) sakit-sakit berjangkit	menjejas pertumbuhan badan dan perkembangan otak yang sempurna boleh membawa maut atau mengancam kesejahteraan masa depannya.	— susu ibu — permakanan seimbang — menjaga kebersihan diri ibu dan bayi. — pelalian
B)	Kanak-kanak antara umur 2 hingga 5 tahun i) Ketiga-tiga gejala di atas ii) Kemalangan di rumah misalnya jatuh, termakan ubat atau racun, luka-luka dan sebagainya iii) Cacing	sama seperti di atas — kecacatan jasmani — maut — kurang darah kurang zat permakanan mengurangkan ketahanan	sama seperti di atas — tindakan wajar supaya bahan-bahan merbahaya di kawal rapi — kebersihan diri misalnya cuci tangan sebelum

		badan	makan — membuang najis di tempat teratur — membekal tandas curah di kawasan luar bandar — makan ubat cacing tiap-tiap tiga bulan
C)	Kanak-kanak antara umur 5 hingga 12 tahun	— sama seperti di atas	— sama seperti di atas
i)	Sama seperti di atas	— sama seperti di atas	
ii)	Kemalangan di jalanraya dan di sekolah	— kecacatan — maut	
iii)	Pergaulan yang tidak sihat	— pembentukan akhlak tidak baik	— perhatian ibu bapa dan guru sekolah — pelajaran agama dan akhlak di sekolah
D)	Kanak-kanak remaja		
i)	Tekanan jiwa	— keruntuhan akhlak	— pengawasan daripada ibu bapa,
ii)	Pergaulan tidak sihat kerana kenakalan	— membebani	— guru-guru sekolah
iii)	Menghisap rokok minum arak,dadah	— masyarakat dan negara	dan kerajaan
E)	Kaum Ibu		
a)	Telalu kerap bersalin	— anggota tubuh badan menjadi lemah	— menyusu anak menjarang kehamilan
b)	Kekurangan darah	— ketahanan badan menurun menyebabkan selalu sakit	— menjarang kehamilan dengan berencana
c)	Tekanan darah tinggi sewaktu hamil	— membahaya janin dalam kandungan	— permakanan yang berzat tanpa banyak pantang larang
d)	Penyakit kencing manis sewaktu hamil	— membahaya diri ibu, boleh merosakkan buah pinggang, lemah jantung dan stroke	— menjalani pemeriksaan doktor doktor sewaktu hamil — mengikuti nasihat doktor mengenai

		permakanan dan sebagainya apabila kedapatan darah tinggi atau kencing manis
F) a) b)	<p>Orang dewasa</p> <p>Gejala-gejala sosial seperti merokok minum arak dan mengambil dadah</p> <p>Sakit keturunan misalnya tekanan darah tinggi kencing manis, sakit jantung dan sebagainya</p>	<ul style="list-style-type: none"> — merokok membahayakan kesihatan paru-paru boleh menyebabkan barah — arak boleh meruntuh akhlak merusak hati — dadah menyebab ketagih keruntuhan akhlak & maut — sama seperti di atas membahayakan buah pinggang, menyebabkan stroke dan lemah jantung <ul style="list-style-type: none"> - kawalan diri — pelajaran akhlak agama — pelajaran kesihatan — menjaga berat badan — kawalan diri — permakanan seimbang — menjalani pemeriksaan perubatan tiap-tiap 6 bulan

Dalam aspek pencegahan banyak disebutkan tentang permakanan yang berkhasiat untuk menjamin keutuhan kesihatan. Permakanan yang berkhasiat bukan semestinya yang mahal-mahal dan diluar kemampuan orang-orang berpendapatan rendah. Permakanan yang berkhasiat (berzat) termasuklah sayur-sayuran seperti kangkung, bayam, cangkuk manis dan berbagai jenis kacang, buah-buahan seperti betik, limau, nenas dan sebagainya, ikan, permakanan dari laut, telur dan daging. Dikalangan masyarakat Melayu, bahan-bahan inilah yang dipantang semasa hamil atau selepas bersalin. Inilah yang menyebab mereka menjadi pucat dan lemah serta gagal menyusu anak.

Berkeraan dengan penyusuan anak inginlah saya menarik perhatian pembaca tentang khasiat susu ibu. Bagi si bayi satu-satunya permakanan yang paling berkhasiat ialah susu ibu sendiri. Susu ini kedapatan pada semua ibu sama ada kaya atau miskin. Sememangnya susu manusia untuk kegunaan manusia (bayi) sendiri. Ia mengandungi bahan "colostrum" dan "antibody" yang boleh mempertingkat ketahanan badan dan mengelak bayi dari jangkitan sakit ceret-beret, demam dan batuk, kesusahan pernafasan dan sebagainya. Selain dari itu, susu ibu juga mengandungi zat-zat seimbang yang boleh menjamin pertumbuhan badan dan otak yang sempurna.

Pertumbuhan otak dan perkem-

bangannya berlaku dengan pesatnya sejak dari dalam kandungan hingga umur dua tahun. Jangkamasa inilah yang paling mustahak sekali bagi bayi mendapat zat-zat protein dan lain-lain yang seimbang seperti yang ada pada susu ibu untuk menjamin perkembangan otak dan sistem saraf yang sempurna. Dalam surah Al-Baqarah ayat 233 Allah telah menerangkan dengan jelasnya had penyusuan hingga dua tahun!

Memang telah terbukti bahawa kemunduran sesuatu masyarakat itu ada kaitannya dengan kemiskinan dan kejahanan masyarakat itu sendiri. Masyarakat Islam yang berpegang betul-betul kepada Al-Quran dan sunnah Rasul akan terpelihara dari keadaan yang demikian.

Pembaca budiman, jika kita renung sedalam-dalamnya, apa yang saya tuliskan dalam rencana ini sebenarnya telah terangkum didalam ajaran Islam yang maha luas. Betapa tidaknya, kerana

ke sejahteraanlah yang kita cari, sedangkan itulah yang di tunjuki oleh Islam, satu-satunya agama yang benar pada sisi Allah, sesuai dengan fitrah manusia. Islam menjamin kesejahteraan hidup rohaniah dan jasmaniah serta kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dalam soal memelihara keutuhan kesihatan tiga perkara yang saling berkaitan mestilah baik iaitu fizikal, mental dan sosial. Di dalam Islam bukan sahaja keutuhan kesihatan di tuntut, malah kesempurnaan iman mestilah diperliharakan sedaya upayanya dengan memperbaiki tiga perkara yang juga saling berkaitan iaitu aqidah, syariah dan akhlak untuk menjamin kesejahteraan dunia dan akhirat. Jelas sekali, bawhū berusaha menjaga keutuhan kesihatan dan mencari pengobatan mengikut sunnatullah atau ilmu yang saintifik dan rasional merupakan suatu ibadah yang penting dalam Islam.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَّا نَفْسَكُمْ وَاهْلِيْكُمْ نَارًا .
• (التحريم: ٦)

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharakanlah dirimu dan keluargamu dari bahaya api neraka!" (Al-Quran: Surah 66 (Attahrin), ayat 6)

● RUANG TOKOH PERJUANGAN

ABU BAKAR SHIDDIQ (KHALIFAH I)

11-13H/
632-634M

oleh: HASAB

Nama beliau yang sebenarnya ialah: Abdullah bin Abu Quhafah At-Tamimy. Semasa Jahiliyah nama beliau ialah: Abul Ka'bah.

Kemudian ditukar oleh Nabi Muhammad saw. dengan Abdullah.

Abu Bakar adalah gelaran sanjungan kepada beliau, dipanggilkan oleh Nabi saw. Sebabnya ialah, kerana beliaulah orang yang awal pagi (bakr) menerima seruan Islam dengan sepenuh hatinya. Tambahan "As-Shiddiq", ma'nanya yang amat membenarkan, adalah kerana memang beliaulah orang yang sangat membenarkan semua yang datang daripada Rasulullah saw. dalam segala peristiwa, terutama peristiwa Isra' dan

Mi'raj.

Dimasa Jahiliyah beliau adalah seorang peniaga besar, seorang hartawan yang cukup terkenal, didalam dan diluar negeri. Beliau adalah seorang tokoh cendikiawan. Beliau seorang yang tenang, tetapi tegas dan cergas dalam bertindak. Beliau termasuk kedalam senarai tokoh-tokoh yang disegani. Jika terjadi persengketaan antara kaum, sering beliau dimintakan jasa-jasa baiknya untuk mendamaikan semula.

Setelah beliau masuk Islam, beliau adalah sahabat yang terdekat kepada Rasulullah saw. Beliau membantu da'wah Rasulullah dengan sepenuh jiwa-raganya dan juga dengan harita bendanya. Beliau menumpahkan perhatiannya terhadap kelangsungan perjuangan da'wah Islam disamping Rasulullah saw. Banyak pahlawan-pahlawan Quraisy yang dapat ditariknya masuk Islam, diantaranya: 'Ustman bin 'Affan, Zubair bin 'Awwam, Sa'ad bin Abi Waqash, Abdurrahman bin 'Auf, Thalhah bin 'Ubaidillah, Abu 'Ubaidah bin Jarrah dan Al-Arqam bin Abil-Arqam. Mereka inilah yang disebut "As-Sabiqun Al Awwalun" (jamaah sahabat/pengikut Rasulullah yang pertama-tama).

Beliau adalah seorang pengiring setia kepada Nabi ketika berhijrah dari Makkah ke Madinah. Puncak khidmat setia beliau pada saat kecemasan semasa didalam gua Tsaur telah dirakamkan didalam ayat suci Al-Quran surah At-Taubah ayat 40, yang bermaksud: "Jikalau kamu tidak menolongnya

(Muhammad), maka sesungguhnya Allah telah menolongnya (yaitu) ketika orang-orang kafir (musyrikin) mengeluarkannya (dari Makkah) sedang ia salah seorang dari dua orang ketika keduanya berada didalam gua; diwaktu itu dia berkata kepada sahabatnya (Ya'ni Abu Bakar) "Janganlah engkau berduka cita. Sesungguhnya Allah berserta kita."

Berdasarkan kenyataan daripada hubungan beliau yang sangat erat dengan Rasulullah dalam masa perjuangan suaduka yang cukup lama dan tidak pernah bercerai dari awal sampai akhir hayat Baginda Rasulullah saw., maka tidak hairan lagi kalau beliaulah orang yang paling banyak menimba pengetahuan dan kefahaman tentang Islam langsung dari tangan Pembawa Agama Suci ini, ya'ni Muhammad Rasulullah saw.

ABU BAKAR DILANTIK SEBAGAI KHALIFAH PERTAMA

Pada tahun ke 11 Hijriyah, sebelum jenazah Baginda Rasulullah dimakamkan, dalam satu musyawarah para sahabat, bahagian terbesar suara telah memilih Abu Bakar sebagai Khalifah untuk memimpin ummat dalam melanjutkan perjuangan da'wah Islamiyah. Isti'adat perlantikan dinyatakan dengan BAI'AT (pernyataan ta'at setia) daripada para sahabat dan kaum Muslimin. Segera setelah Abu Bakar dilantik menjadi Khalifah, beliau mengucapkan pidato (perutusan). Didalam pidatonya itu beliau menjelaskan siasah dan garis kebijaksanaan kerajaan yang akan beliau ambil dan akan beliau jalankan. Diantaranya beliau mengatakan: "Saudara-saudara sekalian, Saya telah dilantik untuk mengendalikan urusamu, padahal saya sebenarnya bukanlah orang yang terbaik diantaramu.

Maka, jika kamu menjalankan tugas dengan baik, ikutilah! Tetapi, jika kamu berbuat salah, maka betulkanlah! Orang yang kamu pandang kuat, saya pandang ia lemah, hingga saya dapat mengambil hak orang lain daripadanya. Sedang orang yang kamu pandang lemah, saya pandang ia kuat, hingga saya dapat mengembalikan haknya kepadanya. Hendaklah kamu ta'at kepadaku, selama aku ta'at kepada Allah dan RasulNYA. Tetapi bila kamu tidak mentaati Allah dan RasulNYA, tak perlu kamu mentaati aku."

PERJUANGAN YANG DIHADAPI OLEH ABU BAKAR

Agama Islam mulai tersiar sesudah Persetujuan Hudaibiyah, enam tahun sesudah Hijrah. Sesudah bani Hawazin dan bani Tsaqif dapat dikalahkan, mulailah berdatangan utusan-utusan beberapa kaum menyatakan masuk Islam kepada Rasulullah saw.

Tetapi banyak diantara yang masuk Islam itu kerana merasa takut dan khuatir akan diperangi atau kerana melindungi diri kepada askar Muslimin. Ada pula yang masuk Islam kerana hendak ikut mendapatkan harta rampasan. Banyak pula diantaranya yang hanya masuk Islam, tetapi belum memahami akan ajaran-ajaran Islam itu sendiri.

Didalam Al-Quran surah Alhujurat ayat 14 pernah diungkapkan: Maksudnya: "Orang-orang Arab pergunungan itu telah menyatakan: Kami telah beriman. Katakanlah: Kamu belum beriman, tetapi hendaklah kamu berkata, kami telah masuk Islam (menyerah diri), kerana iman belum masuk kedalam hati kamu, dan jika kamu ta'at kepada Allah dan RasulNYA, ia (Allah) tidak akan kurangkan sedikitpun (balasan) amal-

amat kamu, kerana Allah itu Pengampun dan Penyayang."

Kemudian didalam ayat berikutnya diterangkan tentang ciri orang-orang yang beriman itu, yaitu tidak pernah merasa ragu terhadap kebenaran daripada ajaran Allah dan Rasul, selalu mentaatinya dan siap sedia memperjuangkannya dengan harta dan diri sendiri kerana Allah dan dijalankan Allah.

Apa yang terjadi sepeninggal Rasulullah?

Beberapa kaum mulai memutar belitkan beberapa hukum Allah dan Rasul.

Ada 3 golongan penyeleweng:-

1) Yang menegakkan kembali rasa perkauman (suku-isma).

Diantara golongan Anshar, yang tadinya mau menghendaki kekhilafahan jatuh ketangan mereka, merasa tidak senang hati dengan keadaan, dimana Khalifah Abu Bakar adalah dari golongan Muha-jirin Suku Quraisy.

2) Yang mengaku dirinya Nabi, seperti Musailamah al-Kazzab dari Bani Hanifah di Yamamah. Musailamah ini mengaku menjadi Nabi semenjak Nabi Muhammad hidup lagi. Dia pernah menulis surat kepada Rasulullah, yang didalamnya tersebut: "Dari Musailamah Rasulullah kepada Muhammad Rasulullah. Kemudian daripada itu, separuh daripada bumi ini buat kami, dan separuh buat Quraisy, tetapi Quraisy tidak adil, wassalam." Surat ini dibalas oleh Nabi Muhammad, isinya: "Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Dari Muhammad Rasulullah kepada Musailamah al-

Kazzab. Kemudian daripada itu, bumi adalah kepunyaan Allah, yang dipusakakan NYA kepada siapa yang dikehendakiNYA diantara hamba-hambaNYA. Keselamatan bagi orang yang mengikut pertunjuk." Ada pula seorang wanita bernama Sajah, mendakwakan dirinya Nabi. Ia dari suku Bani Tamim.

Nabi-nabi palsu itu mendapat sokongan dari kaumnya masing-masing.

Yang lucunya, kemudian kedua-dua orang Nabi palsu itu mengadakan persetujuan untuk menyatakan "wahyu-wahyu" mereka dalam satu majlis permusuawarat yang dihadiri oleh mereka berdua sahaja bertempat disatu ruangan yang nyaman dan berbau wangi-wangian. Akhirnya kedua orang nabi palsu itu berkahwin, menjadi suami-isteri.

3) Yang ingkar membayar zakat. Mereka menganggap zakat itu adalah semacam tax paksaan. Mereka putar belitkan makna Al-Quran yang memerintahkan pemungutan zakat seperti tersebut didalam Al-Quran surat At-taubah ayat 103:

"Ambilkanlah sedekah (zakat) daripada harta mereka, untuk membersihkan nya dan untuk menghapuskan kesalahannya."

Mereka menganggap perintah mengutip zakat itu hanya kepada diri Rasulullah. Sekarang beliau tiada lagi, maka gugurlah perintah ayat itu. Mereka tidak menghubungkan ayat itu dengan ayat lain, seperti tersebut didalam surah

Al-Ma'rij ayat 25:

"..... dan orang-orang yang pada harta mereka ada hak yang ditentukan bagi orang yang meminta dan orang miskin."

Maka Abu Bakar bermusyawarat dengan para sahabat dan kaum Muslimin buat menentukan sikap dan tindakan yang mestilah diambil terhadap para penyeleweng Agama itu. Ada diantara kaum Muslaim yang berpendapat, bahwa tidak dapat diambil tindakan kekerasan dengan memerangi mereka, selama mereka masih mentauhidkan Allah dan percaya kepada Rasul.

Dalam menghadapi kemerdekaan yang memuncak ini kelihatan kebesaran jiwa dan ketabahan hati Abu Bakar. Dengan tegas dikatakannya seraya bersumpah, bahwa beliau akan memerangi semua golongan yang telah menyeleweng dari kebenaran, baik yang murtad, maupun yang mengaku Nabi ataupun yang tidak mau membayar zakatnya. Hinggalah semua kembali kejalan kebenaran atau beliau sendiri gugur sebagai syahid dalam memperjuangkan tegaknya Agama Allah.

Ketegasan Abu Bakar ini disambut dan disokong kuat oleh golongan terbesar dari kaum Muslimin. Dan orang-orang Quraisy beserta kaum Anshar yang ta'at setia mengerahkan putra-putra mereka untuk terjun kedemanan jihad dalam beberapa pasukan tempur yang kuat. Abu Bakar membentuk sebelas pasukan, masing-masing dipimpin oleh pahlawan-pahlawan Arab yang kenamaan, seperti Khalid bin Walid, Amru Ibnul 'Ash, 'Iqrimah bin Abu Jahl, Syurahbil bin Hasanah, dan lain-lain. Pasukan-pasukan yang telah dibentuk oleh Abu Bakar itu menggegarkan seluruh Semenanjung

Arab.

Sebelum pasukan-pasukan itu dikirim kepada kaum-kaum yang telah menyeleweng itu, terlebih dahulu mereka dikirimi surat oleh Khalifah Abu Bakar, dimana dijelaskan tentang segala kesamaran yang timbul dalam pemikiran mereka serta diserukan kepada mereka supaya kembali kepada garis kebenaran daripada ajaran Islam. Diperingatkan pula akan segala akibat yang akan dirasakan mereka, manakala mereka masih tetap dalam kesesatan itu.

Nasihat dan peringatan itu ada juga membawa kesan baik, sehingga diantaranya banyak yang kembali kedalam kebenaran. Maka terhadap mereka yang masih tetap membangkang, dikerahkanlah pasukan-pasukan berani mati (syahid), sehingga mereka menyerah, takluk dan tunduk kepada Khalifah.

Musailamah bertahan dengan pasukan dan para pengikutnya dalam satu kubu pertahanan, yaitu sebuah taman yang luas yang dipagar dengan tembok yang tinggi. Pertempuran sangat terjadi, sehingga banyak yang terkorban, juga diantara askar kaum Muslimin. Akhirnya benteng Musailamah dapat ditembus dengan berjaya, Musailamah telah dibunuh oleh Wahsyi, bekas pembunuh Hamzah semasa peperangan Uhud.

Khalifah Abu Bakar Shiddiq berhasil memulihkan keamanan Islam diseluruh Negeri Semenanjung Arab, berkat kesabaran, ketekunan dan ketegasan beliau dalam melaksanakan pimpinan ummat. Sementara itu pihak kerajaan-kerajaan besar, ya'ni Rum dan Parsi mulai merasa kedudukan mereka terancam oleh kekuatan Islam yang telah semakin kokoh bertapak di Semenanjung Arab. Tadinya mereka itu telah berusaha

menyeludupkan tenaga bantuan subversif kedalam pasukan-pasukan pemberontak dalam negeri itu.

Tetapi berkat ketangkasan pasukan-pasukan Islam, semuanya telah dapat dipatahkan. Sekarang kerajaan Rum dan Parsi yang mengelilingi kawasan kekuasaan Islam di Semananjung Arab sedang menunjukkan ancaman-ancaman yang berbahaya, yang mesti dihadapi oleh kerajaan Islam yang telah ujud yang berpusat di Madinah. Abu Bakar mulai mempersiapkan segala kemungkinan yang patut diambil, demi membentengi Islam dari segala tentangan dan cabaran. Kaum Muslimin bersatu padu dibelakang beliau. Akan tetapi, kehendak Allah jua yang menentukan. Beliau dipanggil oleh Tuhannya kembali kepadaNya.

Abu Bakar berpulang ke Rahmatullah, sewaktu askar-askar kaum Muslimin sedang berhadapan dengan soldadu-soldadu kerajaan Rum dan Parsi.

Beliau digantikan oleh Khalifah Umar bin Khattab r.a.

ABU BAKAR MENINGGAL

DUNIA

Abu Bakar memegang kendali kerajaan Islam selama kira-kira dua tahun. Kemudian beliau merasa sakit, lalu berpulang kerahmatullah. Dimasa yang singkat itu beliau telah menghadapi masa-masa yang sangat mencemaskan kedudukan Islam. Kekuasaan Islam menghadapi bahaya dalam negeri serta ancaman dari luar negeri.

Dengan keimanan yang teguh, kesabarhan, ketekunan dan semangat jihad yang tinggi, beliau tampil kehadapan, mengobarkan keyakinan yang sama terhadap para sahabat dan kaum Muslimin, hinggahal beliau berjaya menurunkan pasukan-pasukan berani mati (syahid), memulihkan keamanan dan ketenteraman dalam negeri dan kemudian mempersiapkan kekuatan-kekuatan untuk menghadapi ancaman daripada kerajaan-kerajaan besar luar negeri.

Beliau telah mencerminkan keperibadian Islam sejati dan telah memperlihatkan nilai-nilai yang murni yang telah dipusakainya daripada sahabat kekasihnya, Muhammad Rasulullah saw.

وَمَا تَحَاوَنَ مِنْ قَوْمٍ خِيَانَةً فَانْبَذَ اللَّهُمْ عَلَى سَوَاءٍ وَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْخَائِنِينَ .

(الأنفال : ٥٨)

"Dan jika kamu mengetahui pengkhianatan dari suatu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berkianat." (Al-Quran, surah Al-Anfaal: 58)

PENGORBANAN


(Oleh: Saadi)

Perbahasan berikut adalah sekitar tema pengorbanan. Apakah maksud perkataan pengorbanan? Di dalam pengertian yang luas, pengorbanan (sacrifice) bererti menyerah perkara-perkara yang disayangi dan bernilai. Perkara tersebut mungkin dapat dikira seperti masa, kekayaan atau kehidupan; atau pun perkara yang tidak dapat dikira, tidak boleh diukur seperti perasaan, sikap, pendapat atau aspirasi. Perkara-perkara ini diserahkan (dikorbankan) demi untuk sesuatu yang lebih bernilai, lebih mustahak dan lebih diperlukan. Perlu diingat bahawa sungguhpun pada asalnya 'pengorbanan' bererti penyembelihan binatang atau manusia sebagai memenuhi tuntutan tuhan dan syaitan, dan dengan demikian ianya bererti menyerah setengah daripada milik seseorang kepada tuhan.

Mungkin sukar untuk mendapatkan istilah Al-Quran yang tepat dan sama dengan perkataan pengorbanan (sacrifice) yang juga mempunyai pengertian yang luas. Barangkali perkataan "nusuk", mempunyai makna yang lebih hampir dengan istilah pengorbanan. Istilah ini terdapat di dalam Al-Quran. Maksudnya: "Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan

matiku hanya untuk Allah, tuhan semesta alam". (Al-An'am (6): 162)

'Pemberian' adalah suatu motif penting dan mustahak yang mendapat perhatian dan penekanan di dalam Al-Quran. Iman (atau 'aqidah) yang terdapat di beberapa tempat di dalam Al-Quran, merupakan tenaga penggerak membawa kepada sifat membelanjakan apa yang telah dikurniakan oleh Allah untuk mereka (orang-orang mukmin). Bersama ibadat sembahyang, 'pemberian' cukup untuk menyokong dan melahirkan gambaran suatu kehidupan berasaskan iman. Anugerah rezeki yang dikurniakan Allah untuk dibelanjakan oleh seseorang adalah meliputi semua perkara yang dimiliknya samada tenaga, fikiran atau harta benda atau lainnya. Di tempat lain di dalam Al-Quran diterangkan syarat-syarat yang diperlukan untuk suatu kehidupan yang baik. Syarat-syarat tersebut ialah memberi serta bertaqwah mentaati segala perintah Allah dan menjauahkan diri daripada segala larangannya) dan 'tashdiq' (membenarkan adanya balasan yang terbaik, ya'ni syurga) quran menerangkan: Maksudnya, "sesungguhnya usaha kamu memang berbeda-beda. Adapun orang yang memberikan



Menghulurkan bantuan adalah pengorbanan yang besar dan menerima balasan yang baik.

hartanya (di jalan Allah) dan bertaqwa, dan mebenarkan adanya pahala (atau balasan yang terbaik (syurga), maka kami kelak akan menyiapkan baginya jalan yang mudah. Dan adapun orang-orang yang bakhil dan merasa dirinya cukup serta mendustakan pahala yang terbaik, maka kelak kami akan menyiapkan baginya jalan yang sukar''. (Al-Layl (92): 4-10)

Pengorbanan adalah merupakan unsur kebaikan, kejayaan kehidupan manusia. Tanpa pengorbanan, sesuatu kehidupan itu jauh dari mencapai harmoni, kerjasama dan kedamaian.

Kehidupan sedemikian akan dipenuhi oleh konflik, tiada kedamaian, mangsa kepentingan diri, gelojoh dan merajakan keinginan nafsu. Malah sesuatu keluarga atau masyarakat tidak akan mencapai kesatuan dan kekuatan jika tidak terdapat sebarang bentuk pengorbanan daripada anggota masing-masing. Begitu juga usaha manusia tidak sampai ketahap tujuannya jika tiada seorang pun dari mereka mengorbankan jiwa atau harta yang disayanginya.

Apa yang benar dan nyata dalam usaha dan kehidupan bermasyarakat diantara manusia samada dari segi ben-

tuk atau kepentingan, adalah juga benar dalam kehidupan Islam. Ini disebabkan Islam bererti menyerah diri sepenuhnya kepada Allah dan penyerahanini meliputi harta miliknya. Dengan lain-lain perka-taan, kehidupan Islam adalah kehidupan 'PENGORBANAN SEBENAR' ia mem-bayangkan suatu perjuangan yang mesti diusahakan terus menerus untuk dipraktikkan bukan sahaja di dalam pemikiran, tetapi juga di dalam realiti kehidupan.

Pengorbanan adalah suatu galakkan penyuburan. Tanpa pengorbanan benih-benih iman tidak akan berkembang un-gul, iman yang sejati ialah iman yang hidup subur laksana pokok di mana daun-daun dan buahnya melindungi kehidupan berbagai kelompok manusia. (Ibrahim (14): 24-25). Pengorbanan mestilah sen-tiasa dihidupkan, kerana tanpanya jalan jihad tidak dapat bergerak melintasi

batas padang pasir yang tidak bertepi dan tidak dapat mendaki gunung yang melangit tinggi. Pengorbanan merupakan kunci pembuka pintu yang tertutup. Adalah benar samada jalan yang diambil secara peribadi atau personal untuk men-capai ketinggian rohani dan moral, atau secara kemasyarakatan untuk membawa masyarakat dan kehidupan seluruhnya menjadi Islam (iaitu tunduk kepada tuhan yang esa). Adalah juga benar apabila ditempuh kedua-dua jalan tersebut secara bersamaan dengan lebih halus dan murni.

'PENGORBANAN' seperti yang kita perhatikan adalah meliputi bidang yang luas. Persoalan yang berhubung rapat dengan 'pengorbanan' ialah cubaan-cubaan dan kesukaran-kesukaran IBTILA' dan MIHNNAH dan juga kesabaran (SABR), yang masing-masing mempunyai ruang lingkup yang luas.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا عَطَيْنَاكَ الْكَوْثُرَ • فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَاتْحِرْ • إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ •
(الْكَوْثُرُ)

Sesungguhnya kami telah memberikan kepadamu ni'mat yang banyak.

Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu.

Sesungguhnya orang-orang yang membencikanmu dialah yang terputus (rahmat dari Allah).

Surah ini menggalakkan agar orang selalu beribadah kepada Allah dan berkorban sebagai tanda bersyukur atas ni'mat yang telah di limpahkanNya.

AKHLAK:

PERCAKAPAN DAN PERBUATAN

Dari: Bahagian Hal Ehwal Pelajar BINA

Ketahuilah dua perkara yang menonjol melambangkan kamu kepada orang, iaitulah percakapan dan perbuatanmu. Rasulullah s.a.w. menjanjikan dalam satu hadisnya bahawa barangsiapa (dari orang-orang beriman) boleh menjaga dua anggota badannya yang berada di antara dua tulang kelenjarnya maka ALLAH jaminkan SYURGA padanya, itulah anggota yang berada pada kelenjar dagu (lidah) dan anggota yang berada pada tulang kelangkangmu, (kemaluhan).

Awasilah setiap patah perkataan kerana tiap sesuatu itu mempunyai racun. Seorang yang takut kepada Allah apabila dia bercakap dia senantiasa berwaspada supaya setiap yang dikeluarkan dari lidahnya itu adalah penawar yang menghilangkan keresahan sahabat-

nya dan dia menghilangkan segala racun pada lidah dan jiwynya buatmu.

Dan bagi orang fasiq, lidahnya adalah api godaan yang membuatkan kamu dengannya menderita kesakitran. Dan bagi seorang yang kafir lidahnya adalah sembilu yang menikam setiap patah darinya meninggalkan kesan yang mendalam. Dan bagi seorang munafiq lidahnya adalah racun yang berbisa. Maka itu awasilah dirimu untuk menjauhi mereka dan tidak menjadikan dirimu seorang sepertimana mereka.

Ketahuilah olehmu bahawa setiap sesuatu yang ALLAH jadikan itu beserta dengan penyakitnya. Dan berbahagialah sesiapa yang mengetahui penyakit dirinya dan diberikan upaya oleh ALLAH untuk menyembuhkannya.

Khidmat Kelas Bimbingan BINA

Mukaddimah

Perkembangan pusat tusyen adalah merupakan perkembangan yang sihat dimana dengan peluang ini pelaburan melalui pelajaran akan diperolehi. Ada tiga sessi program khas di dalam pusat tusyen yang hendak diteruskan sepenuh masa ini, iaitu:-

- i. Kelas formal
- ii. Klinik Bimbingan dan Pemulihan
- iii. Akhbar Dalam Darjah dan Alat Pandang Dengar

Program kelas bimbingan BINA ini telah dijalankan mulai dari 1981 lagi secara program 'Ad-Hoc' sahaja dimana usaha ini semata-mata untuk mengumpul dan melatih pelajar berusaha dengan giat demi kejayaan bersama kelak.

Matlamat dan Objektif

Sebagai lanjutan, seterusnya bagi tahun yang sudah atau sebagai satu pembaruan kalau tidak keterlaluan kita mengemukakan 4 objektif khas:-

- i. Membantu pelajar Islam dibidang

- akademik,
- ii. Menyalurkan kesedaran mengenai BINA sebagai satu harakah penyatu ummah.
- iii. Menyemai dan menyuburkan bakat kepimpinan yang sedia ada,
- iv. Membentuk keperibadian Islam didalam diri pelajar.

Objektif-objektif seperti tertera diatas perlulah dicapai serentak dalam jangkamasa yang sama. Berhasil atau tidak terpulanglah kepada keyakinan, kesabaran ketekunan dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak.

Nama dan Alamat Operasi

KHIDMAT KELAS BIMBINGAN BINA
Tingkat Atas, Lot 87-89
Jalan Rubber
93400 Kuching
Sarawak
(guna pintu belakang)

Jenis Institusi

Khidmat kelas bimbingan ini berbentuk 'CHARITY'.

Enrolmen

Khidmat ini telah berjalan mulai 1 Februari 1987 yang lalu. Proses pendaftaran sedang dilalui bagi memudahkan enrolmen sepenuhnya pada Mac ini.

Bayaran Sumbangan dan Yuran

Kita mengenakan yuran sebanyak \$10.00 per subjek tiap-tiap bulan tanpa mengira peringkat darjah atau tingkatan pelajar. Ini adalah bersesuaian dengan ciri-ciri kebaikan yang dimiliki olehnya.

Waktu Pengajian

Kelas disebelah petang diperuntukkan kepada pelajar-pelajar yang berminat, manakala kelas malam terbuka untuk umum iaitu calon-calon persendirian.

Matapelajaran yang ditawarkan

Kita menawarkan matapelajaran mengikut permintaan pelajar seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik Moden, Matematik Tambahan, Sains Paduan, Geografi, Sejarah dan Perdagangan.

Hak Milik

Khidmat Kelas Bimbingan BINA ini milik BINA Cawangan Kuching.

Ahli Lembaga Pengarah

Terdiri daripada Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi BINA Cawangan Kuching.

Pengetua dan Tutor

Khidmat Kelas Bimbingan BINA dikendalikan oleh seorang Pengetua dengan dinamakan sebagai PENGURUS.

Tenaga pengajar dinamai TUTOR iaitu sepenuh masa dan TUTOR SAM-

BILAN iaitu guru sukarela dari maktab dan institusi pengajian tinggi dan TUTOR SUKARELA iaitu guru-guru dari sekolah-sekolah yang mana mereka sebagai ahli BINA yang berdaftar.

Susur Galur Pentadibran dan Pengurusan

Pengerusi	- Dr. Wan Ali Tuanku Madhi
Lembaga Pengarah	- Adi Badiozaman Tuah Haironi Bohari Sajali Abdul Rani
Pengurus Koordinator	- Idris bin Bohari
Penyelia	- Salmah Ali
Jurutaip	- Sitam Tambi Dollah Mariam Hossen Latifah Ali
Pembantu	- Hanani Haji Fathi
Pejabat	- Zainuddin Suhaili
Tutor	- Nancy Haji Hosen Mohammad Zaidi Ismail Awang Iman Awang Jaya Zaiedi Suhaili
Tutor Sambilan	- Akbar Ibrahim Zainuddin Mahli

Premis

Bangunan yang digunakan ini ialah milik BINA sendiri dan diamanahkan penggunaannya kepada BINA Cawangan Kuching untuk menjalankan aktifitinya.

Sumber-sumber Kewangan

Secara keseluruhannya, sumber kewangan program ini diperolehi dari yuran pelajar sahaja.

Kursus-kursus lain


Kami membuat kelas ulangkaji Ilmu Pengetahuan Agama untuk pelajar Tingkatan 3 dan 5 secara percuma, juga kita menjayakan program motivasi yang tertentu untuk menambah ilmu pengetahuan mereka. Kursus-kursus agama dianjurkan pada tiap-tiap cuti penggal sekolah.

Kejayaan program ini adalah kejayaan semua masyarakat hendaknya. Tugas yang berat ini perlu didokong bersama untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang bakal mewarisi intelektual yang tinggi.

Terima kasih.

IDRIS BIN BOHARI

Kesimpulan



مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْقَمُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَهُ اللَّهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ۔
(رواه مسلم)۔

Siapa yang menempuh jalan bagi menuntut ilmu, Allah memudahkan baginya jalan ke Syurga.

(Riwayat Muslim).

Gerakan Kristianisasi:

ROTI MUHAMMAD (Saw) atau ROTI ISA (As)

Peristiwa ini terjadi di Afrika disaat merajalela wabak "kebuluran" dan "kekeringan", dimana fihak Kristian membuat "fitnah" model baru yang keji, iaitu dengan cara: membuat semacam roti khas buat kanak-kanak dikhemah penampungan mereka. Fihak Kristian berusaha mencampurkan semacam gula-gula (pemanis) pada sebahagian roti dan sebahagian lainnya dibiarkan begitu rupa sahaja. Selanjutnya dituliskannya pada roti "biasa" nama: Muhammad saw., dan pada roti yang manis, nama: Isa As. Untuk itu para kanak-kanak bersegera

mengambil roti yang baik dan manis, iaitu: "ROTI ISA (as)" dan mereka menolak roti yang "pahit" iaitu "ROTI MUHAMMAD (saw)". Apa sikap kaum muslimin terhadap "tindakan keji" fihak Kristian semacam ini? Dan tidak mustahil akan banyak lagi "tindakan-tindakan" lain yang akan mereka lakukan secara berani, bila fihak kaum muslimin senantiasa berdiam diri

(RAI, 21 Rabiul Akhier 1407H, kiriman: Abdullah Muhammad Yusuf Abdullah Maqdisyo - Somali)

TV Jepun menyiarkan sholat JUMAAT di Tokyo

TV Jepun secara langsung telah menyiarkan upacara sholat Jumaat, pada

tanggal 4/4/1407H, dari Masjid Ma'had Arab-Islam (University Imam Muhammad Ibn Su'ud) di Tokyo, iaitu merupakan pernyata daripada Ma'had tersebut dalam memperkenalkan Islam dan aktiviti untuk membuktikan Risalah yang suci. Channel Inti daripada Lembaga Penerangan Jepun telahpun melaksanakan siaran sholat Jumaat itu secara langsung. Sebagai makluman, kerjasama antara Ma'had dan Fihak Penerangan di Jepun berketerusan dan bukan setakat ini sahaja, dimana dapat dilakukan aktiviti lebih lanjut diatas peringkat Negeri Jepun.

Kegagalan Misi Kristian di Indonesia

Berdasarkan data-data yang dikeluarkan oleh Majlis Pimpinan Tinggi Organisasi Muhammadiyah di Indonesia, menyatakan bahwa semua usaha perjuangan dakwah yang dilakukan oleh fihak misi Katholik dan Protestan selama sepuluh tahun diantara tahun 1970 dan 1980, tidak mendapatkan hasil yang menggembirakan bagi matlamat

penetrasi (penelusupan) ditengah-tengah ummat Islam, meski begitu besar biaya yang dikeluarkan untuk kepentingan itu, sebagaimana apa yang disiarkan oleh majalah Kristian "Misi Kristian Protestan" bahwa telah habis biaya sejumlah 70 juta dollar US bagi melakukan misi di Indonesia untuk tahun ini sahaja (1986).

Dan data statistik menyatakan pula bahwa jumlah kaum muslimin di Indonesia berkurang selama 10 tahun ini 4% sahaja dan ianya merupakan angka yang mengecewakan usaha dan mengecilkan harapan para pembuat plan Misi Kristian di Indonesia khasnya, dan sebahagian besar yang murtad (keluar dari agama Islam) adalah akibat terpaksa meninggalkan agama mereka keadaan terpengaruh oleh material dan bukan oleh sebab kesadaran.

ISLAM MENDAHULUI AGAMA SEMUA

Dalam penelitian data-data yang disiapkan oleh David Baret, seorang Amerika yang menganut Aliran Protestan, dan disiarkan oleh Jabatan Berita Protestan di Swiss, dinyatakan bahawa agama Islam tercatit penyebarannya lebih awal daripada agama-agama lain didunia ini, dimana jumlah kaum muslimin mencapai sekarang ini disekitar 837 juta dengan tambahan 16%.

Kemudianya adalah salah satu agama yang bukan Samawi iaitu ahama Hindu, dimana jumlah pengikutnya ada seramai 661 juta, dengan tambahan

13%. Dan di tempat ketiga tercatit agama Budha yang termasuk agama yang juga bukan Samawi, iaitu jumlah pemeluknya ada seramai 300 juta dengan tambahan 10%.

Sedangkan agama Kristian, dinisbatkan kepada penyebarannya tidak melebihi 9% sahaja, meski jumlah pemeluknya lebih banyak daripada agama-agama lain baik yang Samawi atau yang bukan, yakni seramai 1.500 juta.

(Rabithah Alam Islami, no. 987, 11 Muhaaram 1407 H).



Ruang Kewanitaan

**KEDUDUKAN WANITA DI
KALANGAN ORANG
JAHILIHAYAH DAN SETELAH
TERBIT ISLAM**

Disusun oleh: Ustazah Rohani Awi

Tercatat di dalam sejarah bahwa dengan layanan yang tidak berperikiraan agama-agama kuno melayani wanita | kemanusiaan, mereka menganggap

wanita itu keji dan hina tidak termasuk dalam anggota masyarakat manusiawi, bahkan mereka mengibaratkan wanita sebagai sumbar peralatan yang boleh di gunakan pada waktu-waktu yang di perlukan samada di rumah atau di pasar dan sebagainya di lapangan pekerjaan. Kepercayaan yang mengatakan wanita itu adalah umpama Najis yang datangnya daripada syaitan perlu di hapuskan segera! Kerana ini adalah satu kepercayaan yang batil tidak berasas. Dan di antara agama-agama yang terlalu merendah-rendahkan taraf wanita sehingga mereka menganggap kaum wanita tidak layak menerima kemuliaan, mereka ini menghalang wanita dari hak-hak insani seperti berbicara, ketawa, makan daging dan macam-macam lagi kenimatan juga seperti maskahwin. Untuk ini di kunci dan di ikat mulutnya seperti unta yang buas atau anjing gila. Kerana inilah kaum wanita bangsa Rum dari tingkatan yang tertinggi sampai tingkatan yang terendah bila berjalan di jalanan mulutnya terkunci dengan besi seperti anjing gila, mereka di perbuat begini tidak kira di dalam rumah atau diluar rumah. Dan atas asas penghinaan inilah hampir semua agama menghalang wanita dari hak-hak kemanusiaan dan keagamaan, begitu juga di kalangan orang-orang jahiliyah yang memang terkenal dengan sifat ragu-ragu dan tidak senang mereka terhadap wanita, mereka mengingkari sama sekali akan wujudnya wanita dan memilih di antara dua perkara:-

- 1) samada kaum wanita itu di biarkan hidup atas wujudnya sebagai pengembala kambing dan ternakan ternakan yang lainnya di

pendalam.

- 2) atau ianya di tanam dihidup-hidup secara paksa, iaitu ketika usianya meningkat enam tahun. Bukti yang menunjukkan keragu-raguan dan kebencian mereka terhadap wanita. Firman Allah s.w.t di dalam surah An Nahl ayat 58:-

وَإِذَا بَشَّرَهُمْ بِالنِّسَاءِ
ظَلَّتْ وُجُوهُهُمْ مُسُوَّدَةً وَهُوَ كَظِيمٌ
• (٥٨) النَّحْلُ

Maksudnya:

“Dan apabila seseorang dari mereka di beri khabar dengan (kelahiran) anak perempuan, hitamlah (merah padamlah) mukanya, dan dia sangat marah!”

Sebab kebencian ini ialah kerana takut malu dan papa yang mengakibatkan ia terhalang dari menceburkan diri di Medan peperangan, seperti yang tercatat di dalam kitab suci Al-Quran surah Isra ayat 31:-

وَلَا تَقْتُلُوا إِلَّا لِدَعْمٍ خَشْيَةً اِمْلَاقٍ
نَحْنُ نُرْزَقُهُمْ وَإِنَّا كَمْ
• (٣١) الْأَسْرَارُ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan, kamalah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu.”

Kemudian Allah menghendaki supaya nilai dan kemuliaan wanita itu dipaparkan di mata masyarakat umum

dan diselamatkan dari adat istiadat bodoh yang tidak dapat di terima oleh akal yang sejahtera lagiw aras, serta Allah menunjukkan kebenaran-kebenaran yang di campakan jauh-jauh oleh orang-orang yang zalim, dan pada ketika itu juga memancarlah cahaya umat ini dengan lahirnya Muhammad alaihisshalatu wassalam. Beliau telah membaiki kepincangan ini dan menempatkan wanita ke taraf yang wajar yang Allah ciptakannya dengan rahmatNya yang tertentu dengan maksud supaya kehidupan di muka bumi ini tidak putus, dan mereka boleh mewarisi apa-apa yang terkandung di atasnya. Kemudian Allah menerangkan hak-hak persamaan dan kewajiban-kewajiban yang ia tetapkan untuk lelaki dan perempuan. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Al Baqarah ayat 228:-

ولهن مثل الذي عليهم
بالصروف
وللرجال عليهن درجة .
• (البقرة : ٢٢٨)

Maksudnya:

“Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang maruf. Akan tetapi para suami mempunyai tingkatan kelebihan daripada isterinya.”

Dan firmannya lagi di dalam surah An Nisa ayat 7:-

للرجال نصيب ماترك
والدان والا قربون وللننسا

نصيب ماترك الوالدان
والا قربون ماتقال منه
اوكتزن نصيبة مفروضا .

• (النساء : ٢٧)

Maksudnya:

“Bagi orang laki-laki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, dan bagi wanita ada hak bahagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan.”

Kesimpulan dari kedua-dua ayat tersebut, kita dapat memahami; kaum laki-laki dan wanita mempunyai hak-hak dan kewajiban-kewajiban yang sama tidak kira sedikit atau banyak mereka sama-sama berhak menerimanya.

Di sini juga kita dapatli bahawa Islam telah memberikan wanitanya hak-hak yang wajib dan kebebasan yang wajar di dalam syariat kita. Firman Allah di dalam surah An Nisa ayat 19:-

لا يحل لكم ان
ترثوا النساء كرها .
• (النساء : ١٩)

Maksudnya:

“Tidak halal bagi kamu mempusakai wanita dengan jalan paksa”.

Para isteri diizinkan menampakkan muka dan kedua tapak tangannya, serta dibenarkan keluar rumah bagi

melengkapkan keperluan rumah tangganya dengan tidak berhias-hias, (bersolek-solek). Ini semua boleh dilakukan ketika keadaan memaksa ia berbuat demikian iaitu ketika tiada orang yang boleh membantu ia membuat pekerjaan itu. Tidak seperti fahaman orang-orang barat yang hanya mencurigakan orang-orang mu'min.

Bila di pandang keadaan wanita pada masa ini dengan mata kasar dan ditinjau pula tata penghidupan mereka di zaman jahiliyah yang penuh dengan penghinaan kebencian dan perasaan perkauman yang mendalam, nescaya dapat di akui penghidupan wanita sekarang ini telah terselamat dari wabak ini, tetapi malaungnya nasib mereka,

mereka mudah terpengaruh dengan penjajahan fikiran sehingga mereka lupa penghargaan yang Islam meletakkannya di tumpuk kehidupan yang mulia dan lupa juga bahwa Islam memberi hak supaya wanita menuntut ilmu pengetahuan dan menetap di rumahnya jika ada orang yang boleh menguruskan keperluan-keperluannya di luar rumah dari segi ekonomi dan politik dan dia lah pengasuh dan pendidik pertama bagi anak-anaknya, juga pengurus rumah tangganya. Penyakit ini semuanya timbul di sekitar negara-negara Eropah dan Amerika dan penyakit berjangkit ini juga telah menular di seluruh negara di alam ini dan di negara-negara Islam.

Perhatian!

Dengan segala hormatnya, kami mohon dimaafkan atas beberapa kesalahan cetak kata-kata ataupun kalimat yang terdapat didalam "AL-HUDA" keluaran No. 18.

RALAT

Muka	Kolam	baris dari: atas/bawah	Yang salah	Betul
4	1	atas: 21	sundut-bersundat	sundut-bersundut
7	2	atas: 10	في الأرض	في الأرض
9	2	bawah: 3	akan sekonyong- konyong	dengan sekonyong- konyong
13	dibawah tajuk Persaudaraan Islam dan Mesir		susunan B.R.	ARABIA The Islamic World Review, Terjemahan: Letifah Fathi
23	1	bawah: 7	Kita ahli hikmah	Kata ahli hikmah
26	2	atas: 16	Al-Iman	Al-Imam
31	tajuk	atas: 1 dan 4	Khaitimah	Khatimah
51	2	atas: 11	dalah	odalah

MUTIARA HIKMAT

PENGEMBARAAN



HIDUP adalah pengembalaan yang melelahkan. Padang pengembalaannya sangat luas, pertuh dengan gunung-gunung batu dan jurang-jurang dengan kerikil yang tajam. Hanya ditempat-

tempat tertentu ditengah-tengah padang pasir yang luas itu terdapat "wadi" dengan sebuah sumur air yang menyebukkan daerah persekitarannya, yang ditumbuhinya oleh pokok-pokok tanaman dan rerumputan.

MENGEMBARA di padang pasir, orang selalunya lebih banyak berdepan dengan pasir yang panas, baik yang menggunakan berbukit-bukit, maupun yang menurun berlembah jurang dan kadangkala berbatu-batu. Manakala angin saman datang mengganas, gunung pasir itu mudah berpindah-pindah, maka terbentanglah pula padang pasir luas dihadapan.

Dalam perjalanan dipadang yang luas itu, kerap kali mereka diserang oleh haus dahaga, maka membayanglah "fatamorgana" dihadapan mereka. Padahal ini adalah khayalan semata, bayangan air yang sangat dirindukan oleh mereka yang sedang mabuk kehausan.

Dan bila mereka sampai disebuah lembah "wadi" dan mendapatkan telaga air yang sejuk, mereka sangka, itulah syorga. Mereka hendak menikmati dan memuaskan diri disyorga itu. Tetapi ternyata mata air dilembah itu pun terbatas, ia makin lama makin habis dan akhirnya fana. Tempat itu hanya boleh menjadi tempat persinggahan sahaja, buat sementara. Perjalanan terpaksa dilanjutkan lagi! Kerana mereka hanya pandai menguras dan menghabiskan air sahaja!

Itulah gambaran hidup yang tidak mempunyai arah dan tujuan! Mereka selalu hidup sebagai orang badwi, berkelana sebagai nomad. Manusia itu hanya dipermainkan oleh alam berkelana, oleh anangan yang tidak berkesudahan, dalam warna-warni ufuk yang

tidak pernah tercapai. Mereka menjadi letih dan lesu, menurutkan sayap angan-angan yang tidak tentu arah.

MAKA ditengah-tengah rayuan keduniawan ini, manusia hendaklah mendapatkan dirinya sebagai makhluk yang mulia, "IBADUR-RAHMAAN" (hamba Allah Yang Maha Pengasih), bukan menjadi hamba kepada harta benda yang bekal fana, kepada bunga-bungaan yang bekal lalu atau kepada ilmu yang selalu mengalmi perubahan dan pangkat kedudukan yang boleh runtuh.

UNTUK itulah AL-KHALIK memberi arah hidup dengan "AL-HUDA", memberi cahaya hidup dengan NUUR-NYA, memberi pegangan hidup yang kukuh kuat dengan TAUFIK dan pertunjuk-NYA.

Maka dengan HUDA, NUUR dan TAUFIK ILAHI, mereka dapat menikmati hidup ini, yang menenangkan jiwa yang bernama "MUTHMAINNAH"

Mereka tidak terpesona dengan warna-warni awan-gemawan, yang hanya dibawa angin di angkasa lepas.

Mereka akan tegak dengan dua kaki, mereka melihat semua yang mengelilinginya dengan NUUR ILAHI, dan mencipta sebagai Khalifah-NYA dimuka bumi, membangun taman-taman bunga, sebagai 'amalus-shalihaat, dalam mengabdi kepada AL-KHALIK, Allahu 'Azza wa Jalla.

Akhirilah pengembalaan yang tidak berarah. Sinarilah jiwa dengan NUUR ILAHI dan thaatlah beribadah, penenang hati dan binalah bakti, penetap jiwa!

Oleh: Abu Asyfari
(Suara Masjid)

RUANG BERITA DAERAH

SERUAN

Bagi pehak Sidang Pengarang AL-HUDA, dengan ini kami menyeru kepada saudara-saudara Jawatan Kuasa BINA cawangan-cawangan, sudi kiranya mengirimkan laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan yang telah dan yang akan dilakukan dalam kawasan saudara, agar kami dapat memasukkannya kedalam Ruang Berita Daerah Majallah bulanan, AL-HUDA. Dengan demikian komunikasi dan silaturrahim diantara kita akan dapat terjalin lebih erat lagi.

Atas kerjasama saudara, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Wassalam,
Sidang Pengarang



Laporlah Kegiatan di kawasan saudara mengenai pertandingan kursus, ceramah dan sebagainya, kirim gambar jika ada dan hantarkan kepada: Pengarah,

Penerbitan Al-Huda,
Ibu Pejabat BINA, Jalan Tun Dato¹ Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.





RAYUAN BANTUAN

Saudara-saudari seiman dan secita-cita,
Majallah AL-HUDA kita yang kita cintai, adalah majalah yang diterbitkan oleh kita dan untuk kita. Hidup matinya bergantung kepada kita. Oleh kerana kita belum punya percetakan sendiri, kita terpaksa membayar upah percetakan setiap bulan. Terlambat bayar, terlambat pula keluarnya. Oleh sebab itu, besar harapan kami, agar kiranya saudara-saudari sudi ikut menyumbang kewangan setakat yang saudara-saudari sanggup mengeluarkannya dengan mengisi borang yang berikut ini. Setelah diisi, haraplah kirimkan kepad akami. Atas kerjasama pehak saudara-saudari, kami aturkan ribuan terima kasih.

Wasslam
Pengurus Penerbitan



----- potong disini -----

Pernyataan:

1. Nama:

2. Alamat (lengkap dengan pos kod):

3. Bersedia menyumbang bagi penerbitan majallah AL-HUDA:

(a) per bulan sebanyak: M\$ (..... ringgit), atau

(b) per tahun sebanyak: M\$ (..... ringgit)

Dari saya yang ikhlas,

(.....)

NOTA: Resit penerimaan wang akan dikeluarkan sekali dalam 6 bulan.

TEMPAH TYPE-SETTING DAN LAY-OUT

Tuan/Puan,

Kami mempunyai kemudahan Type-setting IBM, Compugraphic mesyen membuat tajuk (headliner) alat moden dan lain-lain kemudahan percetakan.

Di samping itu, kami juga menawarkan khidmat lay-out (rekabentuk), percetakan, colour separation gambar setaraf dengan Semenanjung Malaysia dan lain-lain yang berhubung dengan penerbitan dan bahan bercetak.

Khidmat kami selain membuat rekabentuk (lay-out) buku, majalah, kad-kad, Buku Program, iklan, poster juga membuat rekabentuk kotak barang, bungkus dan lain-lain.

Semua khidmat ini ditawarkan dengan bayaran yang berpatutuan. Keterangan lanjut sila hubungi:-

Bujang Zenal,
Standard Design,
2nd Floor, 87-89 Jalan Rubber,
93400 Kuching, Sarawak.

Telefon dirumah waktu malam,
Tel: 487381





Halaman Khas

Mulai sekarang penerbitan majalah AL-HUDA membukakan ruangannya untuk iklan, bagi mana-mana pihak yang ingin menyiarakan hal ehwal perniagaan, kegiatan, program, rancangan, sejarah atau masa depan sesebuah organisasi, perwakilan, keduataan, yayasan atau persatuan tertentu boleh diterima mengikut bersesuaian dengan majalah AL-HUDA dan dimaklumkan bahawa iklan yang tidak sesuai tidak akan diterima.

Untuk maklumat yang lebih lanjut silalah berhubung dengan Pengurus Pengiklanan: Encik Bujang Jenal Tel: 487381 (rumah) atau Penolong Ketua Pengarang: Ustaz Haji Hassanoeddin Abu Bakar; atau melalui alamat dan telefon berikut:

Bahagian Pengiklanan
Penerbitan Majalah AL-HUDA,
Ibu Pejabat BINA,

Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-443993, 082-443994 ext. 11 atau 31

Cara menyarati iklan sangat mudah,
Tuan/Puan bolehlah membayar
\$150 untuk muka dalam dan \$250
untuk muka belakang.